

Sultan seru rakyat kekal keharmonian

2

RM2.4 juta bina pusat aktiviti warga emas

3

Kompleks Islam atasi jemaah padat

3

Lepas air empangan elak risiko banjir

6

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 5 - 11 SEPTEMBER 2024

www.selangorkini.my

## 200,000 pelajar ikuti tuisyen percuma

Berbanding 130,000 orang pada masa ini, lebih ramai sertai Program Tuisyen Rakyat Selangor menjelang 2026 yang beri tumpuan kepada bidang kecerdasan buatan (AI) dan pendidikan peringkat rendah

MUKA 2 & 15

### Kerjasama Selangor, Kedah perkasa utiliti

Agensi dua negeri meterai kerjasama untuk kongsi kepakaran, teknologi, jaringan perkhidmatan dan khidmat nasihat bagi perkasa pengetahuan urus prasarana utiliti demi majukan ekonomi

MUKA 3



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor dalam sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di bangunan pentadbiran negeri di Shah Alam pada 3 September 2024. Foto HARUN TAJUDIN ► BERITA MUKA 3

## pancawarna

### Hari Kebangsaan ke-67 disambut meriah

Tarian 'cuci rasuah' antara acara menarik warnai ulang tahun kemerdekaan

12 & 13



### Karya rakam fasa sejarah negara

Syed Omar Husain terjemah empat buku nukil perjuangan bina negara

9 & 10



### Bendung populasi penakluk air

Tubuh komuniti untuk lindungi habitat air daripada ikan pemangsa

16



## Belia perlu bijak depan cabaran

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyeru generasi muda lebih bijak mendepani dan menyelesaikan masalah serta cabaran mendatang.

Titah Baginda, mereka terdedah kepada ancaman penjajahan bentuk baharu yang menyentuh aspek pemikiran dan budaya yang berkembang seiring kepesatan teknologi maklumat khususnya media sosial.

"Generasi muda perlu bijak di dalam mendepani dan menyelesaikan segala permasalahan dan cabaran yang mendatang," titah Baginda sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024 pada 30 Ogos.

Sultan Selangor bertitah jiwa generasi muda juga perlu diterap semangat patriotik, toleransi dan saling menghormati serta dizahirkan dalam bentuk perpaduan, keharmonian dan bebas elemen negatif.

## Teliti semula gaji lepasan universiti

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor mahu kerajaan meneliti semula isu gaji terutama melibatkan lepasan universiti seiring keperluan, ekonomi dan inflasi semasa.

Tengku Permaisuri Hajah Norashikin yang juga Pro-Canselor UiTM bertitah penyelesaian perlu demi mengelak mereka tercicir selain memastikan kelangsungan hidup dan kebajikan terjamin.

"Peningkatan taraf sistem pendidikan tinggi telah melahirkan ramai lepasan yang bermutu tinggi. Namun, peluang pekerjaan yang ditawarkan tidak setaraf kelayakan graduan.

"Isu gaji tidak selaras dan tidak setimpal terhadap permintaan dan penawaran kerja sering dipersoal. Ketidakeimbangan antara penawaran dan permintaan pekerjaan dalam bidang tertentu perlu dikaji.

"Terdapat juga lambakan graduan yang melebihi dari permintaan dan ada juga situasi, penawaran kerja melebihi kepekaran yang disediakan," titah Baginda.

IMBAS DI SINI  
akhbar digital minggu lepas



# Sultan seru rakyat kekal keharmonian

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru rakyat menyuburkan perpaduan tanpa meracuni fikiran dengan unsur negatif terutama berkait raja, agama dan kaum (3R).

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah institusi raja tidak sepatutnya diheret dengan tohmahan dan fitnah isu politik dalam menegakkan konsep demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.

"Institusi raja adalah 'atas politik' (above politics), oleh itu sebarang bentuk teguran dan kritikan terhadap pe-



merintah dan insitisi Raja seharusnya disuarakan melalui saluran yang betul dan dilaksanakan secara berhemah," titah Baginda pada 30 Ogos.

Bertitah sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024, Baginda menasihati pemimpin dan ahli politik untuk mengelak politik kebencian yang masih diamalkan pihak tertentu.

Titahnya, Baginda tidak jemu menasihati rakyat supaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dan merai perbezaan antara kaum, agama dan faha-

man politik.

"Segala perbezaan antara kaum, agama dan fahaman politik janganlah dijadikan penghalang bagi rakyat Malaysia memberi taat setia kepada negara.

"Sebaliknya, jadikanlah perbezaan tersebut sebagai satu resipi untuk mewujudkan masyarakat majmuk yang bersatu-padu dan hormat-menghormati antara satu sama lain," titah Baginda.

Pada masa sama, Sultan Selangor mahu usaha dibuat secara berhemah bagi mengadakan program yang boleh merapatkan jurang pemisah demi mengikis prasangka buruk dalam jiwa rakyat.

## Tumpu kecerdasan buatan

# Tuisyen percuma 200,000 pelajar

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Seramai 200,000 pelajar bakal mengikuti pembelajaran kelas tambahan percuma dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) menjelang 2026 berbanding 130,000 pada ketika ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata penambahan itu antara rancangan bagi memperkasa sektor pendidikan selain memberi tumpuan kepada bidang kecerdasan buatan (AI).

"Kita ada merangka beberapa ran-

cangan intervensi. Sebelum ini PTRS melibatkan 6,000 pelajar, meningkat kepada 20,000 dan kini lebih 100,000 peserta terlibat.

"Menjelang 2026, kita jangka 200,000 pelajar terlibat. Kita juga tumpu pelajar sekolah rendah untuk bantu generasi tertinggal ketika Covid-19 kuasai asas pembelajaran membaca dan mengira," katanya.

Beliau menghadiri majlis penghargaan dan ramah mesra bersama persatuan guru besar Malaysia cawangan Selangor di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 30 Ogos.

Pada 13 Ogos, Amirudin berkata PTRS ditambah baik dengan membangunkan aplikasi dalam talian bagi memudahkan 130,000 pelajar mengakses bahan pembelajaran.

Beliau menjelaskan portal ePTRS yang memuatkan kaedah menjawab soalan dan menyediakan modul ulang kaji boleh diakses semua pelajar termasuk luar Selangor.

Sebelum itu, Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor memaklumkan PTRS disertai lebih 230 sekolah dengan kos RM10 juta termasuk pembiayaan makan tengah hari pelajar.

## Mula projek rintis tanaman vanilla

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menjayakan projek rintis tanaman vanilla di Kalumpang, Hulu Selangor melibatkan tanah seluas tiga ekar.

EXCO pertanian berkata projek yang baharu dijalankan itu bakal membuah hasil dalam tempoh tiga tahun dan digunakan untuk sektor makanan.

"Kita akan rasmikan projek rintis ini.

Vanilla mempunyai nilai komersial yang tinggi dan kita mampu membawa pulangan kepada ekonomi negeri.

"Untuk permulaan kita hanya melibatkan ladang seluas tiga ekar dan tengok hasilnya sebelum kita perluaskan lagi tanaman ini," kata Ir Izham Hashim pada 4 September.

Pada Februari, Izham memaklumkan

hasrat negeri untuk mengusahakan vanilla memandangkan harga hasil tanaman itu boleh mencecah lebih RM3,000 sekilogram.

Rancangan ini akan dijayakan menerusi projek pertanian bernilai tinggi bawah Dasar Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA) selain menjalin kerjasama dengan pengusaha luar.

## Ganding bahu bentuk sahsiah pelajar

**SHAH ALAM** - Golongan pendidik memainkan peranan besar dalam membangunkan sesebuah negara selain menjadi tonggak penting kepada perkembangan anak bangsa, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pentadbiran bekerjasama erat dengan warga pendidik demi membentuk generasi melalui sahsiah serta perilaku yang baik.

"Guru bukan hanya sediakan pendidikan asas akademik sahaja tetapi juga membentuk jati diri. Kalau tidak dibentuk awal, ia akan jadi halangan dan cabaran besar pada masa depan.

"Kita kena berganding bahu untuk pastikan generasi masa depan dapat dibentuk dengan jati diri, sahsiah, akhlak yang betul," katanya pada 30 Ogos.

Dalam majlis penghargaan dan ramah

mesra bersama Persatuan Guru Besar Malaysia cawangan Selangor, Amirudin turut menyampaikan anugerah kepada lebih 50 guru besar cemerlang.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Ehsan, Gombak Romzi Mohd Ali pula menyifatkan anugerah bagi kategori teknologi itu menjadi pembakar semangat kepadanya untuk meraih kejayaan.



Amirudin beramah mesra dengan warga emas selepas merasmikan Pusat Aktiviti Warga Emas Sungai Tua di Kampung Wira Damai, Gombak pada 1 September. Foto HAFIZ OTHMAN

Selangor-Kedah meterai kerjasama

# Kongsi kepakaran urus utiliti

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor me-meterai kerjasama dengan Kedah dalam perkongsian kepakaran, teknologi, dan khidmat nasihat berkaitan pembangunan infrastruktur utiliti di negeri masing-masing.

Dato' Menteri Besar berkata usahasama tersebut membabitkan agensi milik Menteri Besar Selangor (Pemerbandanan) atau MBI, Koridor Utiliti Selangor (Kusel) dan Utiliti Infra Darul Aman (UiDA).

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari kerjasama bersejarah itu membuktikan kedua-dua negeri mampu bergerak matang tanpa menjadikan perbezaan politik sebagai alasan demi

kepentingan rakyat.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kerjasama antara Kusel dan UiDA. Ini membuktikan Malaysia bergerak kepada usaha kerjasama yang matang dan pragmatik.

"Inilah prinsip Kita Selangor dan ikhtiar yang dibawa oleh perdana menteri. Selangor turut bertekad meneruskan pendekatan ini demi kemaslahatan rakyat," katanya berucap pada majlis berkenaan.

Amirudin dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Kusel dan UiDA di bangunan pentadbiran Selangor di sini pada 3 September.

Kusel diwakili pengarah urusannya

Khairul Azmi Misran, manakala UiDA diwakili ketua pegawai eksekutifnya Ahmad Taufik Radzi. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MBI Saipolyazan M Yusop.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berharap Selangor sudi menerima kesediaan Kerajaan Kedah untuk bersama membangunkan kemudahan utiliti sekali gus memajukan ekonomi negeri masing-masing.

"Kedah pilih Selangor kerana utiliti di Selangor ada cabaran. Ia seolah-olah kita mahu belajar subjek matematik tambahan dengan Selangor, jadi kena mai (jumpa) cikgu," katanya.

Untuk rekod, Selangor memiliki lebih 24,000 kilometer (km) jajaran paip, manakala Kedah mempunyai 14,000 km jajaran paip di seluruh negeri.

"Pembinaan kompleks ini menggunakan konsep nusantara bersesuaian dengan keadaan cuaca serta mampu menempatkan sehingga 2,700 jemaah dalam satu masa.

"Kemudahan itu akan digunakan bersama kawasan kejiranan termasuk penduduk Apartmen Cempaka dan Kenanga serta Beringin selain sebahagian Kampung Laksamana dan Gombak Permai," katanya pada 1 September.

## Atasi jemaah padat di Sungai Tua

**GOMBAK** - Pembinaan Kompleks Islam Wira Damai melalui peruntukan RM33 juta bakal memanfaatkan kira-kira 10,000 penduduk Dewan Undangan Negeri Sungai Tua, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu projek melalui Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang didirikan di tanah seluas 10.5 ekar dijadual siap pada suku pertama 2027.

Katanya, bangunan itu akan menjadi pusat program pembangunan ummah sekali gus bagi menggantikan Masjid An-Nur Kampung Wira Damai yang usang dan padat hingga jemaah melimpah.

"Proses permohonan kebenaran merancang dan pewartaan sebagai kawasan masjid sedang berjalan dijangka selesai hujung tahun ini sebelum kerja pembinaan dijadual bermula tahun depan.

## RM2.4 juta bina pusat aktiviti warga emas

**GOMBAK** - Pembinaan Pusat Aktiviti Warga Emas di Sungai Tua yang menelan kos RM2.4 juta antara usaha mempertingkatkan mutu kehidupan kelompok berkenaan, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) satu-satunya pihak berkuasa tempatan di negara ini membangunkan sendiri pusat seumpama itu untuk warga emas.

Beliau menambah pusat berkonsep rekaan tropika moden yang mula dibina 2023 atas tanah kerajaan seluas 0.58 ekar dilengkapi pelbagai prasarana yang boleh menampung sehingga 200 orang.

"MPS telah berhubung dengan persatuan warga emas sekitar Sungai Tua untuk mereka menjalankan aktiviti di sini," katanya pada 1 September.

Amirudin menambah kemudahan itu membantu Kerajaan Negeri menghadapi cabaran menampung warga emas susulan peningkatan jumlah jangka hayat.

## Tengku Permaisuri serah 107 anugerah

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor berangkat ke Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke-99 di Dewan Agong Tuanku Canselor di sini pada 2 September.

Tengku Permaisuri Hajah Norashikin yang juga Pro-Canselor berkenan menyampaikan anugerah kepada 107 penerima ijazah doktor falsafah, sarjana kepakaran klinikal dan 15 graduan terbaik.

Seramai 28,020 pelajar pelbagai bidang menerima anugerah, sebahagian besar iaitu 25,459 graduan menerimanya di kampus Shah Alam sepanjang sesi sehingga 17 Oktober.

Naib Canselor UiTM Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib berkata UiTM memiliki lebih 700,000 alumni dan berharap semua ahli memainkan peranan demi kelangsungan pelajar pada masa depan.

## Pameran udara tawar ribuan kerja

**SHAH ALAM** - Lebih 2,000 peluang pekerjaan dibuka dalam bidang penerbangan dan aeroangkasa sempena karnival kerjaya, sebahagian agenda Pameran Udara Selangor (SAS).

EXCO pelaburan berkata program berlangsung pada 13 dan 14 September, bermula 10 pagi hingga 6 petang di Dewan Concorde, Pusat Penerbangan Serantau (RAC) Skypark, Subang.

"Kira-kira 2,159 peluang pekerjaan bakal ditawarkan. Ini peluang untuk pencari kerja meneroka laluan kerjaya dalam dunia penerbangan," kata Ng Sze Han pada 3 September.



## Bantu turapan tahan lama

**HULU LANGAT** - Projek Turapan Mega 2.0 yang bermula bulan ini menggunakan teknologi baharu yang menghasilkan tampalan lebih tahan dan kukuh melalui peruntukan keseluruhan RM20 juta.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan kaedah 'jet patcher' itu yang diimport dari United Kingdom tertumpu kepada kerja pembaikan laluan yang mengalami kerosakan kritikal.

"Kertas bajet RM20 juta sudah lulus. Minggu ini kertas mengenai kaedah pelaksanaan (akan bincang) kerana kita ada ubah sedikit.

"Tampalan 'jet patcher' yang berteknologi tinggi akan membantu banyak dari (segi) ketahanan lubang. Perinciannya kita akan beritahu nanti," katanya pada 1 September.

Tahun lalu, Kerajaan Selangor berbelanja RM50 juta bagi projek turapan besar-besaran meliputi penyelenggaraan dan pelebaran jalan untuk meningkatkan kemudahan penduduk setiap daerah.

Meliputi jarak 94.9 kilometer, kerja penyelenggaraan itu melibatkan 66 jalan di Petaling diikuti Klang (39), Gombak (29), Hulu Langat (27), Sepang (19), Sabak Bernam (17), Kuala Langat (16), Kuala Selangor (11) dan Hulu Selangor (lapan).

## Insentif RM1 buru ikan bandaraya

**SHAH ALAM** - Insentif RM1 ditawarkan bagi setiap kilogram tangkapan ikan bandaraya (pleco) di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini, kata EXCO pertanian.

Menurut Ir Izham Hashim, jadual tangkapan ditetapkan pada setiap Sabtu dan Ahad antara 8 pagi hingga 1 tengah hari. Peserta tempatan berusia 18 tahun ke atas dibenar membuat tangkapan.

Beliau dalam Facebook pada 31 Ogos mengingatkan peserta membawa kad pengenalan dan peralatan sendiri. Urus setia tidak bertanggungjawab atas risiko keselamatan dan kesihatan peserta.

Waktu pendaftaran dari 8 hingga 10 pagi. Maklumat lanjut hubungi 011-1500 2708 (Haziq) dan 012-911 2194 (Amli).

Sebelum ini, insentif tangkapan ikan itu diumumkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bagi mengurangkan populasi ikan asing yang menjadi penyebab runtutan tebing sungai dan ban.

# Elak celupar, pelihara harmoni

**SHAH ALAM** - Kebebasan yang dinikmati hasil kemerdekaan harus disertai kerukunan hidup sebaliknya bukan bermakna sesiapa jua boleh berbuat apa sahaja yang melanggar peraturan.

Justeru, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengingatkan semua penduduk supaya kekal menjaga tingkah laku demi mengekal keamanan dan keharmonian negara dan

negeri.

"Walaupun bebas merdeka tetapi perlu menjaga kerukunan. Bebas merdeka bukan bererti mulut boleh celupar, berkata dan berbuat apa sahaja kerana negeri ini ada perlembagaan, peraturan.

"Peraturan ini menaungi kita selama ini dan jiwa merdeka rakyat Selangor dan Malaysia yang mempertahankan negara serta undang-undang

dengan sepenuh jiwa," katanya.

Amirudin menjelaskan jiwa merdeka berupaya melahirkan insan yang memahami dan mematuhi undang-undang selain cintakan kedamaian serta mengekalkan perpaduan.

"Rakyat Selangor mesti ada jiwa merdeka. Ciri-ciri ini harus kita pertahankan bersama-sama sempena sambutan kemerdekaan tahun ini," katanya pada 30 Ogos.

## Usaha kurangkan populasi hidupan asing

# Sasar tangkap 50 tan ikan bandar raya

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**HULU LANGAT** - Kerajaan Negeri menyasar tangkapan 50,000 kilogram (kg) ikan bandaraya (pleco) menerusi program di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini.

EXCO Pertanian Ir Izham Hashim berkata dana RM50,000 diperuntuk bagi menjayakan program yang menawarkan insentif RM1 bagi setiap kg tangkapan ikan asing yang diserahkan secara tunai.

"Kita lihat (hasil program) hujung bulan nanti, kalau rasa perlu diperluas kita akan perluas mungkin dengan



kaedah berbeza dan di sungai lain seperti Sungai Klang.

"Kita mahu wujudkan kesedaran kepada masyarakat bahawa ikan ini menyebabkan kerosakan kepada ekosistem sungai, saliran dan ikan air tawar tempatan," katanya selepas meninjau program itu di sini pada 1 September.

Ir Izham memaklumkan seramai 60 peserta mengambil bahagian dengan lebih 500kg pleco ditangkap dalam tempoh empat jam sejak 9 pagi pada hari pertama program.

Beliau menambah ikan perosak ekosistem sungai itu mempunyai nilai komersial kerana boleh diproses men-

jadi baja kompos dan makanan haiwan.

"Kualiti ikan ini bila buat baja sangat luar biasa kerana mengandungi nitrogen, fosforus dan potassium tinggi yang penting dalam proses pembajaan," katanya.

Juruteknik Ahmad Nawawi Husin, 31, dan dua ahli kumpulannya yang mencatat nilai tangkapan tertinggi iaitu 102kg berkata usaha Kerajaan Negeri memberi insentif tunai menaikkan semangat mereka untuk memburu ikan berkenaan.

"Program ini saya yakin akan menarik minat lebih ramai untuk terlibat sama dalam menjaga sungai," katanya.

**RENCANA MUKA 16**

## Sedia biasiswa untuk Orang Asli

**GOMBAK** - Masyarakat Orang Asli terus mendapat perhatian pentadbiran negeri termasuk bidang pendidikan dengan menyediakan biasiswa Sagong Tasi, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan bantuan itu bukan hanya ditawarkan kepada pelajar yang menyambung pengajian peringkat universiti sebaliknya boleh dipohon pelajar sekolah menengah.

Beliau juga menambah anak Orang Asli yang mengikuti pelajaran di Institut Kemahiran Bina Negara, GiatMARA juga

boleh membuat permohonan.

"Dasar Kerajaan Negeri hendak pastikan pembangunan, kebajikan semua terbela. Kita mahu rakyat Selangor mendapat perhatian dan pembelaan sebaiknya," katanya dalam sambutan Hari Orang Asli Sedunia di Perkampungan Orang Asli Kemensah di sini pada 31 Ogos.

Sepanjang tahun lalu, Ahli Parlimen Gombak berkata sejumlah RM1 juta digunakan bagi melaksanakan proses warta perkampungan Asli seluruh negeri.

Bagaimanapun Amirudin menjelaskan kampung berkenaan tidak dapat diwarta setakat ini memandangkan kawasan itu melibatkan rizab hutan.

"Ini dekat dengan kawasan geopark yang perlu daftar sehingga peringkat antarabangsa. Jadi banyak peraturan kena buat dan perlukan masa kalau nak gazetkan.

"Tetapi kita jamin tak akan halau penduduk sini dan pastikan boleh terus duduk kerana sudah lama tinggal di sini. Cuma kena tambah kemudahan," katanya.

| WAKTU SOLAT | 5-11 SEPTEMBER 2024<br>1-7 RABIULAWAL 1446H | Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang |       |        |       |      |         |       | Klang dan Kuala Langat |       |        |       |      |         |       | Sabak Bernam dan Kuala Selangor |       |        |       |      |         |       |
|-------------|---|--|-------|--------|-------|------|---------|-------|------------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|---------------------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
|             |   | Imsak  | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak                  | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak                           | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 05 Khamis   |   | 5:49   | 5:59  | 7:06   | 1:15  | 4:20 | 7:19    | 8:28  | 5:50                   | 6:00  | 7:07   | 1:15  | 4:21 | 7:19    | 8:28  | 5:51                            | 6:01  | 7:07   | 1:17  | 4:22 | 7:21    | 8:30  |
| 06 Jumaat   |   | 5:49   | 5:59  | 7:06   | 1:14  | 4:19 | 7:18    | 8:28  | 5:50                   | 6:00  | 7:07   | 1:15  | 4:20 | 7:18    | 8:28  | 5:51                            | 6:01  | 7:07   | 1:17  | 4:21 | 7:21    | 8:30  |
| 07 Sabtu    |   | 5:49   | 5:59  | 7:05   | 1:14  | 4:18 | 7:18    | 8:27  | 5:50                   | 6:00  | 7:06   | 1:15  | 4:19 | 7:18    | 8:27  | 5:51                            | 6:01  | 7:07   | 1:16  | 4:20 | 7:20    | 8:29  |
| 08 Ahad     |   | 5:48   | 5:58  | 7:05   | 1:14  | 4:17 | 7:17    | 8:27  | 5:49                   | 5:59  | 7:06   | 1:14  | 4:18 | 7:18    | 8:27  | 5:51                            | 6:01  | 7:07   | 1:16  | 4:19 | 7:20    | 8:29  |
| 09 Isnin    |   | 5:48   | 5:58  | 7:05   | 1:13  | 4:16 | 7:17    | 8:26  | 5:49                   | 5:59  | 7:06   | 1:14  | 4:17 | 7:17    | 8:26  | 5:51                            | 6:01  | 7:06   | 1:16  | 4:18 | 7:19    | 8:28  |
| 10 Selasa   |   | 5:48   | 5:58  | 7:04   | 1:13  | 4:15 | 7:16    | 8:26  | 5:49                   | 5:59  | 7:06   | 1:13  | 4:16 | 7:17    | 8:26  | 5:50                            | 6:00  | 7:06   | 1:15  | 4:16 | 7:19    | 8:28  |
| 11 Rabu     |   | 5:48   | 5:58  | 7:04   | 1:13  | 4:14 | 7:16    | 8:25  | 5:49                   | 5:59  | 7:05   | 1:13  | 4:15 | 7:16    | 8:25  | 5:50                            | 6:00  | 7:06   | 1:15  | 4:15 | 7:18    | 8:27  |



# Sekalung Tahniah

**YB DATUK BORHAN BIN AMAN SHAH**  
**EXCO *Perumahan & Kebudayaan***  
***Negeri Selangor***

atas pengurniaan  
**DARJAH MULIA SERI MELAKA (D.M.S.M.)**  
yang membawa gelaran

**DATUK**

bersempena dengan  
**HARI ULANG TAHUN KE-75**  
**YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**  
**PADA 26 OGOS 2024**

**Ikhlas Daripada**





## Peluang luaskan pasaran niaga

**SHAH ALAM** - Penganjuran Hari Eksport Selangor membuka peluang kepada 230 peniaga meneroka peluang meluaskan pasaran antarabangsa, kata EXCO keusahawanan.

Najwan Halimi berkata program kali kedua di Pusat Konvensyen Shah Alam pada 4 dan 5 September itu turut menampilkan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Program ini amat penting bagi usahawan Selangor kerana ia bukan sahaja membuka peluang teroka pasaran antarabangsa tetapi menyediakan platform bagi memperkukuh jaringan perniagaan dan meningkatkan daya saing di peringkat global.

"Dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ini, usahawan perlu lebih proaktif dan berinovasi. Program seperti ini memberikan sokongan serta panduan yang diperlukan untuk berjaya di pasaran luar negara," katanya.

## Tingkat kemahiran golongan OKU

**SHAH ALAM** - Selangor berazam meneruskan program memberdaya orang kurang upaya (OKU) bagi meningkatkan kemahiran supaya mereka berupaya berdikari dan memperoleh pendapatan sendiri.

EXCO kebajikan masyarakat berkata program Independent Living Support Centre (ILSC) sejak tahun lalu menyediakan peluang pembelajaran dan pekerjaan kepada OKU berusia 17 hingga 25 tahun.

Anfaal Saari menjelaskan seramai 57 belia OKU menamatkan kursus melalui tiga program iaitu pengurusan kafe, bakeri dan pengurusan teknologi maklumat melalui program berkenaan.

"Matlamat kita mahu golongan OKU mampu hidup berdikari dan terlibat dalam kegiatan sosioekonomi," katanya pada 29 Ogos.

## Sasar buka 10 cawangan baharu

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama Segi Fresh menasar pembukaan 10 cawangan Pasaraya Ehsan Segi Fresh pada tahun ini.

Ketua Pegawai Operasi PKPS Ehsan Marketing Rosnani Abdul Malek berharap pasar raya itu menawarkan barangan asas dengan harga murah seterusnya meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

"Kita sasar buka di kawasan luar bandar. Cawangan pertama pasar raya ini sudah buka di Bagan Nakhoda Omar. Kita sasar 10 cawangan lagi akan dibuka hingga hujung tahun ini.

"Pembukaan pasar raya ini seiring agenda negeri dan persekutuan untuk memperkasa industri kecil. Ia juga meluaskan jenama Ehsan di serata negeri," katanya pada 28 Ogos.

# Lepas air empangan elak risiko bah

**SHAH ALAM** - Selangor memulakan strategi melepaskan air di tujuh empangan secara optimum mulai 16 Ogos, sebagai persediaan berdepan Monsun Timur Laut dijangka November ini.

EXCO Infrastruktur Ir Izhah Hashim berkata pengurangan kapasiti simpanan air ke tahap antara 85 ke 90 peratus dibuat sehingga 30 September dan dikawal selia Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

"Tindakan penurunan kapasiti simpanan air ini merupakan inisiatif LUAS menyediakan ruang mencukupi bagi kesemua empangan untuk kesiapsiagaan jika menerima kadar intensiti hujan yang tinggi.

"(Ia juga) bagi mengelakkan limpahan (spill) air empangan yang berpotensi menyebabkan kesan banjir di bahagian hilir daripada berlaku," katanya dalam kenyataan pada 3 September.

Tambahnya, pelepasan air empangan dilaksana secara berperingkat dan dikawal rapi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan Jabatan Pengairan dan Saliran, dengan melihat trend paras air sungai semasa.

Turut dirujuk, ramalan cuaca Jabatan Meteorologi Malaysia dalam tempoh tujuh hari ke hadapan untuk memastikan tiada pelepasan air jika paras sungai meningkat dan hujan lebat di kawasan hilir.

## Kerjasama PKPS-Segi Fresh

# Pasar raya pertama di Nakhoda Omar

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bekerjasama dengan Segi Fresh untuk membuka pasar raya pertama di Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam.

Ketua pegawai operasi PKPS Ehsan Marketing Rosnani Abdul Malek memberitahu Pasaraya Ehsan Segi Fresh itu dibuka pada 24 Ogos dengan menawarkan pelbagai promosi menarik.



"Ini pasar raya pertama di Selangor kerjasama antara PKPS dan Segi Fresh dengan diberi nama Ehsan Segi Fresh. Pembukaan ini juga bertujuan meluaskan capaian Jualan Ehsan Rahmah (JER).

"Pasar raya ini menggabungkan kepakaran PKPS dalam memperkasa sektor pertanian Selangor dengan pengalaman Segi Fresh dalam rangkaian bekalan dan peruncitan," katanya pada 28 Ogos.

Rosnani menjelaskan Ehsan Segi Fresh menawarkan produk segar berkualiti dan barangan keperluan

asas pada harga berpatutan demi membantu orang ramai.

"Kita mengalu-alukan penduduk berhampiran untuk berkunjung ke Pasaraya Ehsan Segi Fresh yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 8.30 malam setiap hari.

"Selain JER, orang ramai juga boleh menikmati pengalaman membeli-belah yang segar, berbaloi, dan mesra rakyat di Pasaraya Ehsan Segi Fresh," katanya.

Pada Julai tahun lalu, PKPS menandatangani memorandum persefahaman bersama Segi Fresh bertujuan memperluas capaian jualan murah anjuran Kerajaan Negeri mulai 1 Ogos.

# Muzium dibuka semula November

**SHAH ALAM** - Muzium Sultan Alam Shah di Seksyen 14 di sini akan dibuka semula kepada pengunjung November depan, kata EXCO kebudayaan.

Datuk Borhan Aman Shah berkata muzium itu akan memperkenalkan konsep baharu iaitu pengaplikasian teknologi terkini dengan menggunakan kod QR bagi memudahkan akses maklumat.

"Banyak pembaharuan bagi menarik minat golongan muda mengunjungi muzium seperti mereka hanya

mengimbas kod QR untuk maklumat. Selain itu, kita juga wujudkan tempat bergambar dan zon mesra kanak-kanak sebagai tarikan.

"Bukan itu sahaja, terdapat juga ruangan terbaharu yang mempamerkan 42 tanjak seluruh negeri serta koleksi adat perkahwinan Melayu, Cina dan India," katanya pada 28 Ogos.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan Kerajaan Selangor bakal mengadakan perbincangan bersama Kera-

jaan Perak bagi mengangkat khazanah kapal korek sebagai warisan negara.

"Selangor mempunyai kapal korek Sri Banting di pekan Dengkil sementara Perak pula ada kapal korek Tanjung Tualang. Kita bercadang mahu bekerjasama dengan Perak untuk angkat khazanah ini ke peringkat antarabangsa.

"Untuk itu kita akan buat lawatan ke Perak dalam masa terdekat untuk bincang perkara tersebut," ujarnya.

# Keperluan asas untuk kanak-kanak

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menyumbang barangan keperluan asas makanan kepada penghuni tiga rumah kanak-kanak sekitar Lembah Klang sempena Hari Kebangsaan ke-67.

Agensi bekalan air negeri memaklumkan penerima sumbangan antaranya penghuni Rumah Kebajikan Anbu Illam, Kuala Lumpur, House of Joy, Puchong dan Rumah Kasih Harmoni,

Sungai Buloh.

"Sukarelawan Hydro Heroes terdiri lapan warga kerja Air Selangor dan lapan orang sukarelawan SAPOT, sebuah platform sokongan sosial menyertai acara ini," kata kenyataan di Facebook.

Menurut Air Selangor, mereka turut mengadakan bengkel Self-Care Safari di Rumah Kebajikan Anbu Illam bertema kesihatan mental bagi meningkatkan kesedaran terhadap kesihatan mental.

"Kami meluangkan masa menyantuni mereka dengan sambutan hari jadi dan nyanyian lagu kemerdekaan bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan bulan ini," kata kenyataan lagi.

Air Selangor juga mengagih 5,835 kotak Box of Hope iaitu bantuan barangan makanan asas kepada keluarga berpendapatan rendah (B40) sekitar Lembah Klang sejak 30 Jun 2020.

# Lancar Dana Pembangunan Ekonomi Wanita Sedia geran untuk pasarkan produk

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Program Dana Pembangunan Ekonomi Wanita bertujuan meningkatkan daya saing usahawan produk kraftangan seiring perkembangan semasa, kata EXCO pembangunan wanita.

Menurut Anfaal Saari, program dengan kerjasama Wanita Berdaya Selangor Sdn Bhd (WBS) dan Khadijah International Waqf (L) Foundation (KIWF) bakal membimbing ramai usahawan.



Katanya, bimbingan itu menyasar usaha meningkatkan mutu produk dan strategi pemasaran melalui sesi mentor mentee, penjualan secara digital, perluasan jaringan perniagaan serta jualan fizikal.

"Kita berharap usahasama ini mem-

buahkan hasil dan membantu wanita negeri memiliki banyak ruang untuk menjana pendapatan sekali gus mengembangkan industri kraftangan di Selangor.

"Kerajaan Negeri berazam mengembangkan industri kraftangan Selangor dan meningkatkan potensi pasaran bukan saja dalam negara malah ke peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau menyempurnakan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) program Dana Pembangunan Ekonomi Wanita antara WBS dan KIWF di bangunan pentadbiran negeri pada 29 Ogos.

Pengerusi KIWF Rohani Mohd Shahr berkata 10 usahawan terbaik daripada pusat wanita berdaya (PWB) seluruh negeri akan dipilih untuk mengikuti

program bimbingan selama tujuh bulan.

"Kita ada peringkat saringan termasuklah program 'pitching' untuk melihat potensi usahawan yang bakal dilatih mengambil kira pelbagai perkara termasuklah potensi pasaran produk mereka.

"Selepas melalui tempoh bimbingan tujuh bulan usahawan terpilih berpeluang mendapat geran bagi mengembangkan produk mereka ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Program Dana Pembangunan Ekonomi Wanita dengan suntikan dana beberapa institusi perbankan merupakan lanjutan usaha Kerajaan Negeri meningkatkan pendapatan golongan berkenaan.

Pelaksanaannya selaras matlamat kedua Dasar Wanita Selangor 2024-2026 iaitu meningkatkan status sosioekonomi dan autonomi wanita yang terpinggir.

## Daftar Sidang Wanita Selangor

**SHAH ALAM** - Pendaftaran Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) bagi mengasah dan mencungkil bakat kepimpinan terutama pada peringkat pembuat keputusan dibuka sehingga 22 September.

Menurut EXCO pembangunan wanita, program simulasi sidang Dewan Negeri itu bertujuan membentuk pemimpin berkemahiran dalam menguasai isu dan dasar selain mengamalkan tadbir urus baik.

Anfaal Saari berkata program sejak 2 September bermatlamat mencapai keseksamaan gender pada peringkat pembuat keputusan dan dasar itu menyasar penyertaan 56 wanita terbaik seluruh negeri.

"Sasaran akhir program SIWANIS adalah agar 50 peratus Dewan Negeri Selangor diwakili wakil rakyat wanita.

"Ini langkah signifikan ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan pembuat keputusan serta memperkukuh suara wanita dalam pelbagai isu kritikal," katanya pada 29 Ogos.

Syarat permohonan antaranya warganegara berumur 18 hingga 40 tahun, pengundi di Selangor, fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris serta bukan alumni SIWANIS 2023.

Permohonan melalui pautan [wbselangor.org.my/](http://wbselangor.org.my/)

### UNIT/ LOT BUMIPUTERA

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

**ELEMEN**  
RESIDENCES

RUMAH TERES 2 TINGKAT  
26' x 80'

**FREESIA**  
RESIDENCES

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT  
46' x 80' / 38' x 90'

**GEMALA**  
RESIDENCES

RUMAH TERES 2 TINGKAT  
32' x 75' / 32' x 87'

**HANA**  
RESIDENCES

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT/  
RUMAH SEBESUAT 2 & 3 TINGKAT  
45' x 80' / 55' x 80' / 60' x 100' / 80' x 100'

**1700 81 8868**  
[tropicanaaman.com.my](http://tropicanaaman.com.my)

**TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY**  
No. 2, 1, Persiaran Tropicana Aman, Bandar Tropicana Aman,  
42500 Telok Panglima Garang, Selangor.

THE EDGE  
**BILLION RINGGIT CLUB**  
2023

**VIDA**

ASIA PACIFIC  
**PROPERTY AWARDS**  
2023

StarProperty  
**AWARDS**  
2023

**TROPICANA**

ELEMEN | Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012/02-2029/1570(R) • Tempoh Sah: 15/02/2024 - 14/02/2029 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-6/17-2023/0384(R)-(S) • Tempoh Sah: 19/11/2022 - 18/11/2023 • Pihak Berkas yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MOKL/KKB/2/4/1332/101 • Tarikh Diangka Siap: Oktober 2023 • Pegangan Tanah: Pajakan 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2101) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit. Jenis A1: 56 unit; Jenis A2: 10 unit; Jenis A3: 20 unit; Jenis B1: 20 unit; Jenis B2: 20 unit • Harga Jualan: RM1,166,800 (Maks.) - RM2,644,800 (Min.) • Jenis A1: RM4,521,800 (Maks.); Jenis A2: RM4,170,800 (Maks.); Jenis A3: RM4,102,800 (Maks.); Jenis B1: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B2: RM1,664,800 (Maks.); Jenis B3: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B4: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B5: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B6: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B7: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B8: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B9: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B10: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B11: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B12: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B13: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B14: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B15: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B16: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B17: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B18: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B19: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B20: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B21: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B22: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B23: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B24: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B25: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B26: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B27: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B28: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B29: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B30: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B31: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B32: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B33: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B34: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B35: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B36: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B37: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B38: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B39: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B40: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B41: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B42: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B43: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B44: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B45: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B46: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B47: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B48: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B49: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B50: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B51: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B52: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B53: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B54: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B55: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B56: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B57: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B58: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B59: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B60: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B61: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B62: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B63: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B64: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B65: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B66: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B67: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B68: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B69: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B70: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B71: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B72: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B73: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B74: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B75: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B76: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B77: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B78: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B79: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B80: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B81: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B82: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B83: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B84: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B85: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B86: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B87: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B88: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B89: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B90: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B91: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B92: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B93: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B94: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B95: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B96: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B97: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B98: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B99: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B100: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B101: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B102: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B103: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B104: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B105: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B106: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B107: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B108: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B109: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B110: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B111: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B112: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B113: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B114: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B115: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B116: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B117: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B118: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B119: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B120: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B121: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B122: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B123: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B124: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B125: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B126: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B127: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B128: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B129: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B130: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B131: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B132: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B133: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B134: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B135: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B136: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B137: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B138: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B139: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B140: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B141: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B142: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B143: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B144: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B145: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B146: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B147: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B148: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B149: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B150: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B151: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B152: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B153: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B154: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B155: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B156: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B157: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B158: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B159: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B160: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B161: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B162: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B163: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B164: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B165: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B166: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B167: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B168: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B169: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B170: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B171: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B172: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B173: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B174: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B175: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B176: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B177: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B178: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B179: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B180: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B181: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B182: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B183: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B184: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B185: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B186: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B187: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B188: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B189: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B190: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B191: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B192: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B193: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B194: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B195: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B196: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B197: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B198: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B199: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B200: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B201: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B202: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B203: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B204: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B205: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B206: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B207: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B208: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B209: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B210: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B211: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B212: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B213: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B214: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B215: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B216: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B217: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B218: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B219: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B220: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B221: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B222: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B223: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B224: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B225: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B226: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B227: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B228: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B229: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B230: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B231: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B232: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B233: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B234: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B235: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B236: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B237: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B238: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B239: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B240: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B241: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B242: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B243: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B244: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B245: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B246: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B247: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B248: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B249: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B250: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B251: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B252: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B253: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B254: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B255: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B256: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B257: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B258: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B259: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B260: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B261: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B262: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B263: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B264: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B265: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B266: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B267: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B268: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B269: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B270: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B271: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B272: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B273: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B274: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B275: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B276: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B277: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B278: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B279: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B280: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B281: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B282: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B283: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B284: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B285: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B286: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B287: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B288: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B289: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B290: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B291: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B292: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B293: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B294: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B295: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B296: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B297: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B298: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B299: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B300: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B301: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B302: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B303: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B304: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B305: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B306: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B307: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B308: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B309: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B310: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B311: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B312: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B313: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B314: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B315: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B316: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B317: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B318: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B319: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B320: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B321: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B322: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B323: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B324: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B325: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B326: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B327: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B328: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B329: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B330: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B331: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B332: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B333: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B334: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B335: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B336: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B337: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B338: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B339: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B340: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B341: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B342: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B343: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B344: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B345: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B346: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B347: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B348: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B349: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B350: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B351: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B352: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B353: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B354: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B355: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B356: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B357: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B358: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B359: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B360: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B361: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B362: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B363: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B364: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B365: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B366: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B367: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B368: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B369: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B370: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B371: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B372: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B373: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B374: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B375: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B376: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B377: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B378: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B379: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B380: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B381: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B382: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B383: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B384: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B385: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B386: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B387: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B388: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B389: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B390: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B391: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B392: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B393: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B394: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B395: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B396: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B397: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B398: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B399: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B400: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B401: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B402: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B403: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B404: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B405: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B406: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B407: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B408: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B409: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B410: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B411: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B412: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B413: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B414: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B415: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B416: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B417: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B418: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B419: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B420: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B421: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B422: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B423: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B424: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B425: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B426: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B427: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B428: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B429: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B430: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B431: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B432: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B433: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B434: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B435: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B436: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B437: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B438: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B439: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B440: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B441: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B442: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B443: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B444: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B445: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B446: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B447: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B448: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B449: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B450: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B451: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B452: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B453: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B454: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B455: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B456: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B457: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B458: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B459: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B460: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B461: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B462: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B463: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B464: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B465: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B466: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B467: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B468: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B469: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B470: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B471: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B472: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B473: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B474: RM1,667,800 (Maks.); Jenis B475: RM1,667,800 (M



## Depani cabaran negara menua

**SHAH ALAM** - Dasar Ekonomi Penjagaan Selangor yang bakal dilancarkan November ini menjadi kerangka penting untuk mendepani cabaran negara menua, kata EXCO kebajikan masyarakat.

Anfaal Saari berkata dasar memuatkan lima teras utama berkaitan sektor ekonomi penjagaan melibatkan kanak-kanak, wanita dan warga emas sekali gus meningkatkan kesejahteraan sosial.

Jelasnya, perancangan tersebut penting kerana Selangor dijangka antara terawal mendepani negeri menua kerana hampir 20 peratus penduduknya berumur 65 tahun ke atas.

"Apabila makin ramai warga usia emas, ekonomi akan menjadi perlahan diikuti pula kadar kesuburan negeri yang menurun. Jika kurang warga muda, bagaimana untuk aktifkan ekonomi?" katanya pada 30 Ogos.

## Yayasan MBI baiki 10 rumah asnaf

**KUALA SELANGOR** - Sebanyak 10 kediaman asnaf, fakir, miskin dan fisabilillah dibaik pulih menggunakan peruntukan zakat wakalah Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI tahun ini.

Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan purata kos bagi menaik taraf sesebuah rumah sekitar RM20,000 hingga RM40,000.

"Kita tidak menyasarkan jumlah rumah yang dibaik pulih kerana ia bergantung kepada permohonan dan tahun ini agihan zakat wakalah MBI sebanyak RM700,000.

"Kita akan meneliti mana-mana permohonan dan sekiranya ia menepati kriteria pihak Yayasan MBI akan menyalurkan bantuan kepada yang layak," katanya baru-baru ini.

## RM80,000 tingkat kemudahan sekolah

**SHAH ALAM** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan wakaf fisabilillah berjumlah RM80,000 kepada dua sekolah menengah baru-baru ini.

Menurut perbadanan itu, sumbangan RM50,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sijangkang Jaya, Kuala Langat bagi naik taraf lantai dewan untuk menjadi dewan solat di sekolah berkenaan.

SMK Seri Garing, Rawang menerima RM30,000 bagi baik pulih kerosakan meja makmal dan bumbung di sekolah berkenaan.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada guru dan pelajar serta menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf yang menyumbang di PWS sehingga yaumulakhirah," katanya.

# Rakyat teruja temui Raja Muda

**KLANG** - Kehadiran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor sekitar bandar Klang sempena program Gagasan Rumpun Selangor mengujakan rakyat setempat.

Peniaga Sin Heng, 53, tertarik menyaksikan keramahannya Tengku Amir Shah melayan rakyat pelbagai bangsa dan tidak kekok melayan permintaan untuk berswafoto.

"Baguslah program macam ini. Pergi ke tempat yang ada semua kaum. Macam kedai ini (Chong Kok Kopitiam), Tuanku datang makan. Baginda boleh lihat keunikan kedai sebab



semua kaum datang," katanya pada 28 Ogos.

Pelajar, Nur Raisah Mohd Hakim, 21, pula sanggup menunggu hampir satu jam di stesen komuter Klang kerana ingin menatap wajah Tengku Amir Shah secara dekat.

"Saya naik komuter pergi ke- las. Tadi ada yang maklumkan Raja Muda Selangor dalam perjalanan ke sini. Jadi saya tunggu sebab tak pernah lihat depan-depan," katanya.

Pemilik Chong Kok Kopitiam berka-

ta dia bersama keluarga dan pekerja bertungkus lumus mengemas kedai sebagai persediaan menyambut kehadiran Raja Muda Selangor.

Yu Siok Kuk, 96, berkata hampir setiap hari mereka mengemas dan memastikan setiap sudut kedai dalam keadaan bersih malah beberapa bahagian kedai turut dicat.

"Sejak dibuka pada 1985, kedai ini jadi perhatian kerabat diraja tapi ini pertama kali Raja Muda datang. Baginda cuba menu utama iaitu roti goyang, roti hainan dan kopi," katanya.



## Tangani masalah negeri menua

# Pergiat usaha tingkat kesuburan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**KLANG** - Kerajaan Negeri mempergiat kempen kesedaran serta merangka program untuk meningkatkan tahap kesuburan penduduk di negeri ini.

EXCO kesihatan awam berkata pihaknya juga bekerjasama dengan EXCO Wanita Anfaal Saari untuk mengatasi isu itu yang dibimbangi boleh menjejaskan pembangunan negeri atau negara.

"Isu berkaitan kadar kesuburan penduduk di negeri itu yang berada pada tahap membimbangkan. Kita perlu memastikan tahap kesuburan berada pada keadaan baik.


"Sekiranya tahap sederhana, masih

dianggap ok tetapi jika ada kejatuhan mendadak seperti ini akan beri cabaran untuk pembangunan sesebuah negeri dan negara," kata Jamaliah Jamaluddin.

Beliau menghadiri program sambutan bayi merdeka sempena Hari Kebangsaan ke-67 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah di sini pada 31 Ogos.

Sebelum ini, Anfaal memaklumkan kadar kesuburan penduduk di Selangor dan tiga negeri lain Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah semakin membimbangkan.

Katanya, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kesuburan di Selangor sebanyak 1.6 anak



manakala di Sabah 1.3 anak dan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang masing-masing 1.2 anak.

Sehubungan itu, beliau berkata negeri bercadang memperkenalkan beberapa skim bantuan sebagai usaha meningkatkan kadar kesuburan kerana negara merekodkan penurunan sejak 2010.

Pada 30 Julai, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengumumkan Pusat Subfertiliti Negara pertama negara dibina di Seksyen 17, Shah Alam, yang menawarkan harga 20 peratus lebih rendah untuk rawatan kesuburan.

## Manfaat pemeriksaan percuma

**GOMBAK** - Lebih 50 penduduk Perkampungan Orang Asli Kemensah di sini menjalani pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Hospital Orang Asli Gombak.

Pegawai farmasi Tay Cheng En memberitahu penduduk pelbagai peringkat usia melakukan antaranya ujian darah dan kolesterol selain pemeriksaan gigi.

"Sambutan menggalakkan dan ramai yang datang memeriksa tahap kesihatan masing-masing. Mereka yang tidak sihat diberikan ubat," katanya pada 31 Ogos.

Penduduk Kiah San, 57, mengakui datang ke program berkenaan bagi


mendapatkan ubat demam dan batuk selain menjalani saringan.

"Saya periksa dengan doktor. Terus minta ubat demam, batuk sebab sekarang musim tak sihat. Sudah ada ubat ini, tidak perlulah saya pergi klinik," katanya yang bekerja sebagai petani.

Pekerja swasta Asmah

Ujin berkata program berkenaan perlu dimanfaatkan semua penduduk untuk melihat tahap kesihatan masing-masing.

"Bagus program macam ini. Kalau ada penyakit, kita boleh rawat awal. Senang



kalau program ini dibuat selalu," katanya.

Karnival kesihatan itu disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang turut dihadiri Penyelaras Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli.

Amirudin dalam ucapannya meminta Orang Asli menjaga kesihatan termasuk mengambil vaksin demi memastikan kehidupan mereka sentiasa dalam keadaan baik.

Menurut beliau, kaum minoriti tersebut juga perlu mendapatkan rawatan di hospital serta merujuk pegawai kesihatan sekiranya mengalami sakit kritikal.







# Bongkar sisi langka sejarah merdeka

**D**ari pertempuran di hutan tebal Malaya kemudian perselisihan orang Melayu dan Cina pasca-Perang Dunia Kedua diikuti 14 hari keganasan komunis hinggalah kemerdekaan antara fasa penting pembentukan negara.

Semua babak itu terakam dalam empat karya terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE). Pelbagai kisah meruntun jiwa dipapar selain fakta yang jarang ditemui pada naskhah lain. Misalnya perincian serang hendap terhadap Komander Rejimen Ke-10 Parti Komunis Malaya Abdullah CD oleh sepupunya sendiri, Yeop Mahidin.

Semuanya hasil penterjemahan Syed Omar Husain dari buku asal berbahasa Inggeris ke bahasa Melayu melalui Siri Pencerahan Selangor, projek yang digerakkan Kerajaan Selangor sejak 2016.

Pengasas bersama Hubooks Syed Omar berpengalaman sebagai

penterjemah pelbagai projek pameran dan penerbitan seni rupa termasuk katalog pameran Bumi Larangan: Zulkifli Dahlan terbitan Balai Seni Lukis Negara dan penerbitan empat jilid buku Naratif Seni Rupa Malaysia kelolaan RogueArt.

Beliau mulanya menterjemah Perang Anjing Suruhan: Darurat dan Kekalahan Komunis di Malaya 1948-60 diikuti Bintang Merah di Langit Malaya terbitan IBDE dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Kemudian, Syed Omar menterjemah Tanpa Ampun: Tiga Tahun Diburu Jepun di Rimba Malaya. Terbaharu, Mata-Mata Gelap Malaya: Peranan Cawangan Khas pada Zaman Darurat 1945-1960 bersama Razan Rose, kali ini IBDE bekerjasama dengan Media Selangor.

Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Selangorkini memapar bahagian pertama soal jawab berhubung pengalaman beliau

menterjemah buku penting itu. Bahagian akhir dimuatkan dalam edisi 12-18 September.

## Sejak bila meminati karya sejarah?

Sudah lama juga, terutamanya sejarah dalam bidang yang saya gemari seperti Islam, falsafah, sains dan seni rupa. Berhubung dengan sejarah Malaysia, saya mula berminat untuk membaca lebih banyak buku tentangnya sekitar awal 2000-an.

## Apa yang mendorong minat kerja terjemahan buku?

Seingat saya, minat dengan penterjemahan mula berputik sekitar darjah lima atau enam, pada akhir 1970-an, selepas membaca beberapa buah karya sastera bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke bahasa Melayu.

Antaranya ialah novel Old Man and the Sea oleh Ernest Hemingway

yang diterjemahkan dengan tajuk Orang Tua Dengan Laut oleh Datuk Abdullah Hussain.

Ketika itu saya fikir kalaulah tiada orang menterjemahkan buku sastera Barat berbahasa Inggeris ke bahasa Melayu, maka orang seperti saya yang tidak mahir bahasa Inggeris tidak akan berpeluang membaca buku-buku seumpama itu.

Mungkin itu salah satu pendorong kepada saya untuk meminati penterjemahan buku. Kemudian, bila sudah dewasa, ada satu dorongan lain pula untuk saya melibatkan diri dalam bidang ini.

Bagi saya, kerja-kerja penterjemahan boleh membantu menyebarkan ilmu dan wacana dalam bahasa Inggeris, atau bahasa-bahasa lain, kepada pembaca bahasa Melayu. Saya fikir kita perlu mengambil semangat daripada kerancangan dunia penterjemahan buku di Indonesia. ▶



### Perang Anjing Suruhan: Darurat dan Kekalahan Komunis di Malaya, 1948-60 (2020)

War of Running Dogs: How Malaya Defeated the Communist Guerillas 1948-1960 (1971)

- Wartawan British Noel Barber menceritakan keberanian penduduk Malaya dan pihak British melawan gerila komunis sewaktu zaman darurat



### Bintang Merah di Langit Malaya (2022)

Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation 1941-1946 (1987)

- Profesor sejarah Boon Kheng Cheah menganalisa perselisihan antara orang Melayu dan Cina pada penghujung pendudukan Jepun dan tempoh 14 hari kelompangan kuasa selepas perang berakhir



### Tanpa Ampun: Tiga Tahun Diburu Jepun di Rimba Malaya (2023)

Jungle is Neutral: A Soldier's Two-Year Escape from the Japanese Army (1949)

- Pegawai tentera British Frederick Spencer Chapman berkongsi pengalaman empat tahun sebagai pejuang gerila menentang Jepun di hutan Malaya ketika Perang Dunia Kedua



### Mata-Mata Gelap Malaya: Peranan Cawangan Khas pada Zaman Darurat 1945-60 (2024)

Malaya's Secret Police, 1945-60: The Role of Special Branch in the Malayan Emergency (2003)

- Bekas pegawai cawangan khas warga British Leon Comber mendedahkan perjuangan perisik Malaya membanteras komunis semasa darurat







# Bekerja demi rakyat

Oleh NAZLI IBRAHIM

**P**elbagai kejayaan dicapai dalam setahun pentadbiran Kerajaan Negeri. Selain melunaskan janji pilihan raya, pentadbiran diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari membawa pembangunan negeri ke tahap baharu.

Kebajikan rakyat terus diberi keutamaan, khususnya golongan rentan. Dibarisan EXCO berpengalaman dan muka baharu, Kerajaan Negeri melaksanakan peranannya untuk warga Selangor.

Selangorkini memuatkan reaksi 10 EXCO negeri berhubung pencapaian, hala tuju, cabaran dan gerak kerja portfolio masing-masing dalam tempoh setahun pentadbiran Kerajaan Selangor.



Portfolio ini memberikan saya perspektif berbeza dalam agenda pembangunan ekonomi dan kelestarian kehidupan rakyat di Selangor. Sektor semikonduktor dan aeroangkasa antara keutamaan dengan hasrat menyediakan peluang kerja bergaji tinggi dan bernilai tinggi khususnya untuk warga Selangor.

**Ng Sze Han**  
EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti



Dalam kesihatan awam, kita boleh mainkan peranan dengan melebihi pencegahan sebelum menghalu kepada rawatan. Bagi alam sekitar, masih banyak perlu belajar tentang penjagaan alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya. Saya dan pasukan akan melakukan yang terbaik hingga penggal akan datang. Semuga mencapai KPI (Aras Petunjuk Prestasi) yang kita sasarkan.

**Jamaliah Jamaluddin**  
EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar

Pencapaian satu tahun ini memberangsangkan dengan Rancangan Selangor Pertama sebagai panduan. Kita telah bentangkan laporan separuh penggal pencapaian dengan penambahan program baharu.

Dalam tempoh setahun ini memang begitu pesat kemajuan infrastruktur dan pertanian kerana kebanyakan dirangka penggal lepas dan penggal ini peringkat pelaksanaan.

**Ir Izhah Hashim**  
EXCO Infrastruktur dan Pertanian



Ini penggal kedua buat saya. Dahulu sebagai exco pembangunan luar bandar, kampung tradisi dan adat istiadat Melayu dan penggal ini perumahan dan kebudayaan. Alhamdulillah, dasar perumahan kita teruskan dengan dasar Rumah Selangorku 2.0 kepada 3.0. Projek pembangunan perumahan mensasarkan 200,000 unit hingga akhir penggal ini berjalan baik.

**Datuk Borhan Aman Shah**  
EXCO Perumahan dan Kebudayaan



Setahun ini banyak cabaran kita harungi tetapi saya berjaya bentangkan bawah portfolio Kerajaan Tempatan, membawa idea Dato' Menteri Besar untuk gerakkan Lembah Klang Raya.

Empat PBT bandar raya besar ini dapat diselaraskan jadi satu wilayah untuk kita memperkasa ekonomi, pembangunan mampan ke arah 2030, 2035 demi Selangor yang lebih maju.

**Dato' Ng Suee Lim**  
EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan



Saya kembali dalam ahli majlis mesyuarat Kerajaan Negeri memang cukup mencabar kerana pasti ada dasar-dasar era pentadbiran Barisan Nasional dan sekarang berbeza. Kita banyak adakan program sambutan kemerdekaan, hari perpaduan. Selain itu, lantikan pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) pun saya minta kerjasama semua pertubuhan di kampung untuk perancangan di kampung disusun baik.

**Datuk Rizam Ismail**  
EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna

Untuk portfolio belia, sukan, dan keusahawanan ini banyak juga yang masih boleh dicapai. Kita akan kembalikan semula Selangor sebagai negeri dihormati dalam pembangunan dan penganjuran sukan.

Untuk pembangunan belia, pastinya kita akan melaksanakan lebih banyak program pemberdayaan belia. Bagi usahawan, kita akan melahirkan 1,000 usahawan lengkap kemahiran digital untuk memasarkan produk ke peringkat lebih tinggi.

**Najwan Halimi**  
EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan



Ada cabaran, sedikit berbeza sebagai ahli politik tetapi saya masih 90 peratus korporat dan profesional. Di Selangor, kita sudah penggal keempat. Harus, wajib kita membawa pembaharuan lebih besar dan lebih segera.

Jadi, mungkin saya boleh bantu sudut ini supaya kita berikan nafas baharu untuk Kerajaan Negeri menjadi negeri contoh dalam Malaysia terutama dalam perkembangan ekonomi digital dan kepenggunaan teknologi digital di negara kita.

**Dr Mohammad Fahmi Ngah**  
EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi



Antara cabaran saya ialah isu Orang Asli, mereka ada pelbagai masalah seperti isu tanah dan pembangunan. Ada banyak permintaan Orang Asli untuk meningkatkan kemudahan di kampung dan ekonomi mereka.

Dalam aspek sumber manusia pula, saya cuba menyediakan pekerjaan kepada pelajar dan penduduk. Kerajaan Persekutuan memang membantu.

**V Papparaidu**  
EXCO Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan



Sebagai EXCO saya kena letakkan hala tuju. Contohnya dalam satu penggal ini, ke mana arah tuju seperti pembangunan wanita, keluarga, kebajikan dan juga ekonomi penjagaan.

Masa sangat pantas berlalu, banyak lagi kerja perlu dilakukan. Insha-Allah saya dan pasukan akan bekerja pantas untuk mencapai hasrat yang disenaraikan.

**Anfaal Saari**  
EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat







Dato' Menteri Besar menyampaikan cek cura kepada waris Allahyarham Koperal Mohd Azrul Tukiran pada 30 Ogos. Mohd Azrul terkorban ketika Op Daulat di Lahad Datu pada Mac 2013



DYMM Sultan Selangor diiringi Amirudin menghadiri majlis bacaan Yasin dan doa selamat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 30 Ogos



Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkenan menyaksikan perarakan oleh kontinjen sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya pada 31 Ogos



Perdana menteri bersalaman dengan peserta yang menayakan hari kemerdekaan bertepatan "Malaysia Madani: Jiwa Merdeka" di Dataran Putrajaya



EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin melawat seorang wanita baru bersalin di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang pada 31 Ogos. Seramai 22 bayi dilahirkan di HTAR pada Hari Kebangsaan



Wira insiden tembakan di Balai Polis Ulu Tiram, Johor, Koperal Mohd Khairul Azhar Abbi Paise memimpin bacaan ikrar Rukun Negara sempena Hari Kebangsaan di Putrajaya pada 31 Ogos



Aksi berbahaya menyembur api dari mulut antara persembahan khas oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Putrajaya pada 31 Ogos



Pemandangan dari udara perarisan lintas hormat sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024 peringkat persekutuan di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos

Bertepatan Malaysia Madani: Jiwa Merdeka, sambutan Hari Kebangsaan ke-67 di Putrajaya pada 31 Ogos meriah dengan kehadiran lebih 100,000 rakyat pelbagai bangsa.

Majlis diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan DYMM Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan jemaah menteri.

Perarakan Hari Kebangsaan dijayakan 17,262 peserta, 57 kontinjen, 22 pasukan pancaragam, 343 aset darat, 37 aset udara dan 112 haiwan dalam perkhidmatan.

Di Selangor, sambutan dimulakan dengan bacaan Yasin, doa selamat dan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 30 Ogos. DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mencemar duli menghadirinya diiringi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Amirudin dan pimpinan negeri seterusnya bersama rakyat menanti detik 12 tengah malam di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam untuk program Ambang Merdeka. Acara turut disulam program keagamaan iaitu Selawat, Munajat dan Tausiyah Perdana serta Darul Ehsan Berselawat Jiwa Merdeka.

Jurufoto FIKRI YUSOF, REMY ARIFIN, MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN dan ZULFADHLI ZAKI merakam sebahagian acara menarik dalam majlis berkenaan. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Pertunjukan laser dengan paparan "Free Palestine" di bangunan Hotel Mardhiyyah, Shah Alam pada 30 Ogos sebagai tanda sokongan rakyat Malaysia terhadap nasib rakyat negara itu yang ditindas rejim Israel



Pengunjung merayakan kemeriahan sambutan malam Ambang Merdeka di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 30 Ogos dengan pertunjukan bunga api sambil mengibar Jalur Gemilang



Pertunjukan udara jet tempur F/A-18D Hornet Tentera Udara Diraja Malaysia antara acara dipertontonkan kepada pengunjung sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya



Usaha membendung rasuah didedikasikan dengan persembahan "Cuci Rasuah" ciptaan Pengarah Artistik dan Konsep Sambutan Hari Kebangsaan 2024 Rosnan Nordin pada 31 Ogos



Pendakwah bebas Zul Ramli Mohamad Ghazali menyampaikan tazkirah ketika program Selawat, Munajat dan Tausiyah Perdana sempena Hari Kebangsaan peringkat negeri pada 30 Ogos



Penyanyi Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin menghiburkan orang ramai di Dataran Kemerdekaan pada 30 Ogos dengan lagu Warisan



Peserta sambutan Ambang Merdeka terdiri daripada pelbagai peringkat usia gembira merayakan detik jam 12 tengah malam dengan mengibar Jalur Gemilang di Shah Alam pada 30 Ogos



Terdapat banyak jalan cerita bagaimana Malaysia mula dibayangkan, kemudian dijadikan kenyataan. Sungguhpun begitu, secara umumnya sejarawan bersetuju bahawa tanggal 27 Mei 1961 merupakan hari yang menggembirakan dalam sejarah Malaysia.

Pada tarikh ini, tanpa diduga, Tunku [Abdul Rahman Putra] menyeru kerjasama politik dan ekonomi yang lebih erat antara negara Persekutuan Tanah Melayu dengan empat lagi wilayah.

Seruan ini menandakan permulaan rasmi dan pernyataan secara terbuka komitmen perdana menteri Tanah Melayu untuk menjadikan pembentukan Malaysia kenyataan sehingga tercapai akhirnya pada tanggal 16 September 1963.

Seruan ini menimbulkan desas-desus media ketika itu kerana Tunku sehingga ke tarikh seruan itu masih menunjukkan sikap tidak suka dengan gagasan Malaysia dan penggabungan dengan Singapura.

Seruan ini menampakkan perubahan pendirian Perdana Menteri. Jadi apakah sebab di sebalik perubahan pendirian ini?

Benih Persekutuan Tanah Melayu telah tersemai sejak sebelum kelahiran Tanah Melayu merdeka. Konsep asalnya boleh dikesan sehingga ke zaman perang, ketika Pejabat Tanah Jajahan "sungguh-sungguh berhasrat" untuk membentuk suatu aturan pentadbiran selepas perang yang bersatu daripada Tanah Melayu

# Rancangan besar Tunku

jajahan British dan wilayah Borneo-Sarawak, Sabah Borneo Utara dan Brunei.

Menjelang tahun 1950, gagasan yang dikenali sebagai Grand Design [Rancangan Besar] ini menerima sokongan padu daripada Pesuruhjaya Jeneral British di Asia Tenggara, Tuan Malcolm MacDonald yang nampaknya amat mempengaruhi buah fikiran Tunku sendiri berkenaan Rancangan Besar.

## Ke arah persekutuan

Namun begitu, hampir sedekad berlalu sebelum gagasan ini dipertimbangkan semula oleh British secara serius. Pada tahun 1960, Pejabat Tanah Jajahan membuat kesimpulan Sarawak dan Borneo Utara kedua-duanya berada dalam keadaan terlalu lemah untuk berkerajaan sendiri sama ada secara bergabung mahupun berasingan.

Satu-satunya pilihan yang tinggal adalah berada "dalam kumpulan yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu dan ketiga-tiga Wilayah Borneo, juga bersama Singapura sekiranya mungkin."

Bagi Great Britain, amat mustahak wilayah-wilayah Asia Tenggara yang berada di bawah perlindungannya ini didesak ke arah suatu persekutuan-dan bukan pemecahan-memandangkan hal ini membolehkan British untuk melepaskan tanggungjawab kewangan dan sosiopolitik yang membebankan ini secara terhormat, juga pada masa yang sama, memelihara pertahanan dan kepentingan sosioekonomi serantau mereka.

Wajar diingat juga, pada Januari 1960, Perdana Menteri British Harold MacMillan menyampaikan ucapan bertajuk "Wind of Change." Dalam hal Asia

Tenggara, dasar ini bakal berakhir dengan pengunduran askar British dari timur Terusan Suez.

Proses mengurangkan atau menghapuskan jajahan British dan komitmen pertahanan ini yang bermula dengan ucapan "Angin Perubahan" segera mendapatkan daya penggerakannya.

Gagasan Rancangan Besar juga sesuai dengan kemahuan British untuk "melepaskan" wilayah-wilayahnya di kepulauan Melayu dari sudut penjajahan, ekonomi dan ketenteraan.

Bermula tahun 1960, Pejabat Tanah Jajahan nampaknya cenderung ke arah gagasan gabungan, sekurang-kurangnya antara Persekutuan Tanah Melayu yang telah merdeka dengan Tanah Jajahan Mahkota British di Borneo.

Sebagai catatan, sejak Tunku mula menjawat kerusi Yang Dipertua UMNO, beliau sentiasa mengambil pendirian tidak bersetuju dalam penggabungan dengan Singapura sahaja.

Tunku menjelaskan hal ini pada Januari 1961, bahawa penggabungan Tanah Melayu dengan Singapura pada masa itu ataupun masa depan yang dapat dilihatnya tidak termasuk pun dalam persoalan kerana haluan politik mereka yang berbeza-Tanah Melayu secara politiknya berhaluan kanan manakala Singapura berhaluan kiri.

Namun begitu, pandangan umum yang disebar sehingga kini sekadar menyebut Tunku tidak terbuka kepada sebarang bentuk penggabungan dengan Singapura.

Jika diteliti lebih dekat, pendirian Tunku dalam persoalan penggabungan ini tidaklah muktamad seperti yang sering digambarkan.

Pada tahun 1958, sebagai contoh, beliau menyatakan secara jelas kepada Malcolm MacDonald bahawa beliau "sanggup menyetujui" penggabungan dengan Singapura "sekiranya tiga Wilayah Borneo dijadikan Persekutuan yang lebih besar [iaitu Rancangan Besar] pada masa yang sama".

Sekitar waktu itu juga, Tunku mengulangi pendiriannya dalam hal penggabungan dengan Singapura ini di hadapan Pesuruhjaya Tinggi British Sir Geofroy Tory, tetapi beliau tidak digalakkan untuk terus berpegang dengan pandangan ini.

Menurut Sir Geofroy, kenyataan

sedemikian akan hanya "menjejaskan perkembangan pembentukan Wilayah Borneo." Respons tidak memberangsangkan daripada pegawai tinggi British itu nampaknya memberi kesan kepada Tunku seperti yang diharapkan oleh mereka apabila beliau tidak lagi meneruskan rancangan penggabungan ini sehinggalah beliau sekali lagi membangkitkan isu ini di hadapan menteri semasa lawatannya ke Pejabat Tanah Jajahan Lord Perth pada Jun 1960.

## Usaha rundingan

Jelas persoalan penggabungan tidak pernah benar-benar hilang daripada fikiran perdana menteri ini. Persoalan ini bahkan sungguh penting buat Tunku sehingga beliau memulakan usaha untuk membuka semula rundingan bagi membincangkan ikatan masa depan antara Wilayah Borneo Utara dengan Tanah Melayu.

Dalam rundingan-rundingan beliau dengan Lord Perth pada bulan Jun 1960, Tunku mengulangi kesediaannya untuk mempertimbangkan Rancangan Besar yang merangkumi semua bahagian, dengan Persekutuan Tanah Melayu sebagai pasak utama.

Selepas Tunku dimaklumkan bahawa beliau mungkin telah bertindak sebelum tibanya masa untuk penggabungan, beliau meneruskan cadangannya sendiri untuk Brunei dan Sarawak manakala British boleh terus memegang Borneo Utara untuk keperluan ketenteraannya.

Ternyata pada detik itu, Tunku tidak berniat untuk menyertakan Singapura dalam cadangan persekutuan yang diluahkan itu, khususnya apabila kerajaan Singapura berada di bawah kepimpinan berfahaman sosialis.

*Petikan halaman 257-260 daripada buku Tunku: Kelana Penuh Cinta, terjemahan Tunku: An Odyssey of Life Well-Lived and Well Loved, tulisan Kobkua Suwannathat-Pian. Dapatkan di semua platform jualan Buku IBDE, laman sesawang www.bukuibde.com atau toko Rencana di Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya. Tambahan perkataan dalam [...] untuk keselesaan pembaca.*







# Tuisyen di skrin pintar

Oleh **NADIAH ZAMLUS**  
Foto **REMY ARIFIN**

**P**elajar sekolah, khususnya kalangan keluarga berpendapatan rendah kini boleh belajar di kelas tambahan tanpa yuran menerusi telefon pintar atau tablet masing-masing.

Hanya taip perkataan PTRS pada carian Google Play Store dan App Store, aplikasi pembelajaran percuma dalam talian boleh dimuat turun. Pengguna juga boleh mengakses menu Video Pecutan Akhir, Video Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan eBookPTRS.

Dikenali e-Program Tuisyen Rakyat Selangor (e-PTRS), ia dilancar pada 13 Ogos oleh Kerajaan Negeri dan menyasarkan 200,000 pelajar mendapat manfaat teknologi baharu itu.

Pengenalan aplikasi pembelajaran berkenaan antara penambahbaikan PTRS yang wujud sejak 2008. Lebih 240,000 pelajar tingkatan empat dan lima menyertai program berkenaan dalam tempoh lima tahun

kebelakangan ini.

Tidak sampai sebulan dilancarkan, aplikasi itu mula mendapat perhatian. Seramai 655 pengguna Android dan 287 bagi platform iOS memuat turun e-PTRS, kata Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

“Kami yakin lebih ramai akan menggunakan aplikasi ini sekali gus menasarkankan 200,000 pelajar akan memanfaatkan PTRS sebelum 2026. Ini kerana capaian bahan lebih mudah.

“Malah, kami turut menjangka aplikasi ini dimuat turun oleh pelajar-pelajar dari seluruh negara, bukan sahaja Selangor,” kata Ahmad Azri Zainal Nor pada 3 September.

Program tuisyen percuma itu awalnya dianjurkan secara fizikal di pusat khidmat masyarakat yang menumpukan keluarga kurang berkemampuan.

Sejak pandemik Covid-19 melanda pada 2020, Kerajaan Selangor melaksanakannya secara dalam talian, dikenali Selangor Tutor.

Kemudian berkembang menjadi portal e-PTRS yang ditambah baik dengan video pembelajaran oleh

guru terlatih.

Menyediakan soalan mengikut sukatan mata pelajaran Kementerian Pendidikan, aplikasi yang dibangunkan MBI turut mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dan guru berpengalaman.

## Tingkat keputusan SPM

Kewujudan PTRS menyumbang pencapaian lebih baik keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 di Selangor. Pada 2 Jun, MBI memaklumkan gred purata negeri (GPN) 4.67 berbanding hanya 4.80 pada 2022.

Calon layak menerima sijil SPM turut meningkat kepada 58,082 calon berbanding 56,402 pada 2022.

Peratus lulus bagi empat mata pelajaran PTRS iaitu bahasa Inggeris, sejarah, sains dan matematik menunjukkan peningkatan pada 2023.

Tahun ini, PTRS disertai lebih 230 sekolah dengan peruntukan RM10 juta termasuk kos membiayai makan tengah hari pelajar.

Ia membabitkan kelas tambahan untuk mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, sains, sejarah dan matematik tambahan.

Dato' Menteri Besar berkata sasaran penambahan pelajar menerusi program kali ini antara rancangan intervensi bagi memperkasa sektor pendidikan negeri selain penumpuan bidang kecerdasan buatan (AI).

Kerajaan Negeri turut meneliti keperluan pemberian data internet percuma bagi membantu pelajar mengulang kaji pada bila-bila masa seiring matlamat mendigitalkan proses pembelajaran.

“Aplikasi e-PTRS akan memudahkan mereka belajar. Mereka hanya perlu memuat naik (aplikasi) dan boleh digunakan bila-bila masa. Kita kena lihat juga penggunaan data dan jika ada keperluan, kita akan bantu.

“Ilmu dapat dicapai di mana-mana sahaja tanpa mengira masa sekali. Insyallah aplikasi mudah alih ini meningkatkan lagi pencapaian pelajar,” kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 13 Ogos.



# Buru ikan bandar raya

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

**K**ehadiran spesies ikan asing yang mengancam hidupan asal di sesuatu habitat banyak berlaku di pelbagai negara.

Malaysia juga berdepan masalah pembiakan tidak terkawal ikan berkenaan yang menggugat ekosistem perairan selain menjadi pemangsa ikan tempatan.

Terkenal dengan jolokan ikan bandar raya, pemangsa itu mengancam ikan tempatan antaranya lampam, haruan dan keli.

Ikan spesies tempatan terpaksa bersaing merebut makanan dengan ikan bandar raya, selain hidupan itu menghakis tebing dan mengeruhkan air sungai.

Ikan bandar raya disenarai antara lebih 20 spesies ikan invasif dan mengganggu simbiosis perairan di Lembah Klang. Penetasan 2,000 hingga 3,000 telur dalam 48 jam mempercepat lagi penguasaan ke atas hidupan lain dalam sungai, tasik, lombong di Selangor.

Sehubungan itu, Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) ditubuhkan Mac lalu. Berdaftar bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, KPIB ada 10,000 ahli seluruh Malaysia.

Pengasasnya Mohamad Haziq A Rahman berkata pihaknya bekerjasama dengan agensi kerajaan dan penduduk tempatan menangkap ikan pemangsa itu.

Dua bulan selepas ditubuhkan, kumpulan itu menjalankan operasi menangkap ikan bandar raya di Sungai Arau, Perlis dengan berat 120 kilogram (kg). Sementara di Sungai Kulim, Kedah pula 200kg.

Bekerjasama dengan Jabatan Perikanan Pulau Pinang pada 3 Ogos, KPIB menangkap 759kg ikan itu di Sungai Machang Bubok, Bukit Mertajam dan Sungai Junjong, Seberang Perai.

“Kalau ahli kita sendiri yang tangkap, seminggu sekali kita boleh dapat setengah tan di setiap sungai itu,” kata nelayan darat berusia 36 tahun itu, pada 2 September.

Sempena Hari Sungai Sedunia pada 26 September, mereka akan bersama kerajaan Johor dan Negeri Sembilan untuk melaksanakan operasi tangkapan ikan itu, bulan ini diikuti kerjasama dengan kerajaan Perak, Oktober depan.

Terbaharu, KPIB bekerjasama dengan Kerajaan Selangor menangkap ikan bandar



## SPEKIES IKAN INVASIF DILARANG

- bandar raya (common pleco)
- piranha
- pacu/bawal merah
- silver dollar
- salmon
- trout
- peacock bass
- northern pike
- flower horn
- arapaima/ikan naga
- sturgeon
- ikan buaya
- udang kara air tawar
- silver perch
- keli afrika
- jade perch
- kap rumput
- kap kepala besar
- patin chao phraya
- kap perak
- rohu
- katla
- baung ekor merah
- lee koh
- paddlefish

Sumber Jabatan Perikanan Malaysia



raya di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini.

Digerakkan EXCO Pertanian Ir Izham Hashim sejak 1 September, penganjur mensasarkan 50,000kg tangkapan. Insentif RM1 bagi sekilogram ikan itu diberikan kepada peserta.

Mengulas program itu, Haziq mengakui sedikit kecewa kerana hasil tangkapan tidak seperti diharapkan. Hanya 799.95kg diperolehi kerana cuaca hujan pada malam 31 Ogos, sehari sebelum program.

Sebelum ‘serangan’ ikan invasif itu, Sungai Langat kaya dengan ikan seperti baung kuning, lampam sungai, haruan ketutu, udang galah dan patin, sebagai sumber pendapatan nelayan ikan darat.

“Sejak ikan bandar raya menguasai, ikan tempatan kurang. Sebab itu ia jadi fokus utama pulihkan sungai ini. Sungai ini

## INISIATIF TANGKAPAN IKAN BANDAR RAYA 1kg = RM1

**Tarikh:** 1 hingga 30 September (Sabtu & Ahad)  
(1, 7, 8, 14, 15, 21, 22, 28, 29 September)

**Lokasi:** Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat

**Masa:** 8 pagi hingga 1 tengah hari

### Syarat dan peraturan:

- peserta mesti warganegara Malaysia
- berumur 18 tahun ke atas
- wajib bawa kad pengenalan semasa program
- tangkapan hanya dibenarkan di kawasan yang ditetapkan
- pendaftaran jam 8 pagi hingga 10 pagi
- peserta perlu bawa peralatan sendiri
- urusetia tidak bertanggungjawab atas risiko keselamatan dan kesihatan peserta

Sumber Facebook Izham Hashim

satu-satunya sungai di Selangor kaya ikan tempatan.

“Dulu ia tumpuan pemancing ikan air tawar. Sebut sahaja Sungai Langat, orang luar daerah akan datang dan dapatkan ikan di sini. Jadi sebab inilah kita nak pulih sungai ini,” katanya.





Anwar bersama Putin ketika mesyuarat dua hala antara kedua-dua negara sempena Forum Ekonomi Timur ke-9 pada 4 September di Vladivostok, Rusia. Foto BERNAMA

## Anwar bertemu Presiden Putin

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Rusia Vladimir Putin pada 4 September sempena lawatan kerja dua hari ke negara itu.

Anwar dijadual menyampaikan ucapan dalam sidang pleno Forum Ekonomi Timur (EEF) kesembilan pada keesokannya.

Pertama kali melawat Rusia sejak dilantik sebagai perdana menteri pada November 2022, Anwar bersama ahli rombongannya tiba di Vladivostok pada jam 6.33 pagi waktu Malaysia.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari antara pemimpin yang mengiring selain menteri Kabinet antaranya Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz.

Turut sama, Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Hanifah Hajar Taib serta Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup.

## Buka 79,000 peluang kerja

# Pelaburan negara naik 18 peratus

**SHAH ALAM** - Jumlah pelaburan yang diluluskan antara Januari hingga Jun melonjak kepada RM160 bilion, meningkat 18 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu semua pelaburan tersebut melibatkan hampir 3,000 projek baharu yang akan membuka lebih 79,000 peluang pekerjaan kepada penduduk, lapor Bernama.

Katanya, kejayaan tersebut hasil kerjasama semua antaranya Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan Kementerian Kewangan selain Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata demikian dalam majlis sambutan ulang tahun ke-30 Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) di ibu negara pada 3 September.

Anwar juga menempelak keputusan tidak telus pentadbiran lama yang memberi peluang kepada kroni untuk menjahanamkan syarikat yang menjadi kebanggaan negara seperti Malaysia Airlines.

"Oleh kerana kesilapan itu, syarikat tersebut terbeban kepada kita sehingga kini," katanya.

Namun, beliau menjelaskan usaha untuk memulihkan syarikat penerbangan negara itu telahpun dimulakan Khazanah tetapi proses berkenaan di-

jangka mengambil masa.

"Bagi kerajaan, hampir setiap minggu dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, kita bicara soal pemulihan dan reformasi, bagaimana untuk membantu menyelamatkan institusi negara," katanya.

Anwar juga menegaskan kerajaan mahu memastikan Malaysia Airlines bangkit kembali untuk meneruskan perkhidmatan cemerlang kerana ia syarikat penerbangan nasional negara.

Beliau memuji syarikat kelolaan Khazanah yang mencapai kejayaan antaranya Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang memiliki lapangan terbang Istanbul Sabiha Gökçen International di Turkiye.

## Rampas harta penjenayah rasuah

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi tumpuan untuk merampas semula harta penjenayah yang dicuri, bukan semata-mata menangkap dan mendakwa perasuah.

Ketua Pesuruhjayanya Tan Sri Azam Baki memberitahu siasatan dan risikan SPRM diperkukuh bagi mengesan segala aset yang dicuri mereka untuk dipulangkan semula kepada kerajaan.

"Untuk tahun ini sahaja, kita dapat mengembalikan RM1.3 bilion jumlah aset penjenayah dan duit itu (kita) bagi balik kepada kerajaan.

"Kalau boleh semua agensi penguat kuasa bukan sahaja berusaha mengemblem tenaga, selain tangkap penjenayah, tuduh di mahkamah tetapi juga rampas semula harta penjenayah yang dicuri.

"Saya nak bankrapkan mereka

(perasuah) dan ini boleh mendatangkan rasa takut kepada mereka supaya berfikir banyak kali dalam melakukan jenayah rasuah," kata beliau kepada Bernama.

Katanya, Akta Pencegahan Penguatkuasaan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 membenarkan aset penjenayah dirampas dan diserahkan kepada kerajaan.

## Saran swasta tetap gaji RM3,000

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap syarikat swasta mencontohi Khazanah Nasional Bhd yang menetapkan gaji minimum RM3,000 sebulan untuk 113,000 pekerjanya.

Mengakui kepentingan untuk mencatat keuntungan, beliau yang memuji Khazanah Nasional berkata syarikat swasta harus ada iltizam untuk menjamin kesejahteraan pekerja mereka, lapor Bernama.

"Biarlah ada sedikit kefahaman tentang apa nilai kemanusiaan dan apa nilai keadilan, ini melangkaui tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh Khazanah," katanya.

Anwar berkata langkah Khazanah Nasional selaras dengan pengumumannya baru-baru ini mengenai pelarasan gaji penjawat awam untuk menerima pendapatan bulanan tidak kurang daripada RM2,000.

## Lima restoran tiada sijil halal

**SHAH ALAM** - Lima restoran terkemuka yang beroperasi di negara ini tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia, menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Berdasarkan semakan sistem MYeHALAL Jakim, premis tersebut ialah Johnny's Restaurant, Black Canyon, Dolly Dim Sum, Mr Dakgalbi dan Bungkus Kaw Kaw.

Jakim juga memaklumkan premis makanan berangkai jenama Ayam Penyet Best yang memiliki empat cawangan mempunyai sijil pengesahan halal yang masih sah.

Sebarang status halal bagi mana-mana premis atau produk boleh disemak melalui pautan myehalal.halal.gov.my/portal-halal/v1/index.php.



## Kit kesan virus cacar monyet diluluskan

**SHAH ALAM** - Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) meluluskan satu kit ujian virus cacar monyet (mpox) yang pertama untuk pasaran Malaysia bagi mengesan virus itu secara berkesan.

Ketua Eksekutif MDA Dr Muralitharan Paramasua berkata kit itu hanya boleh dikendalikan pengamal perubatan berlesen dan tidak boleh dikendalikan orang awam, lapor Bernama.

"Jika kit ini tidak dikendalikan orang profesional, ada kemungkinan keputusan yang diperoleh tidak tepat dan boleh menyebabkan penularan virus dalam kalangan orang awam," katanya.

## Bayar balik jika penerbangan lewat

**SHAH ALAM** - Syarikat penerbangan perlu membayar balik bagi kelewatan penerbangan lima jam dan lebih secara penuh kepada penumpang yang tidak mahu meneruskan perjalanan mulai 2 September.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata keputusan itu antara penambahbaikan baharu yang dibuat Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, lapor Bernama.

"Untuk gangguan penerbangan yang disebabkan keadaan luar biasa, syarikat penerbangan dikehendaki terlebih dahulu menawarkan bayaran

balik dalam mod bayaran asal.

"Syarikat juga boleh tawarkan mod bayaran balik alternatif seperti baucar perjalanan atau credit shell. Pengguna ada hak untuk memilih mod bayaran balik," katanya pada 28 Ogos.

Beliau menjelaskan bayaran balik kepada pengguna dibuat dalam masa 30 hari selain menambah baik beberapa aspek lain termasuk levi pelepasan dan caj perkhidmatan penumpang.

"Ini terpakai untuk tiket yang mempunyai nilai bayaran balik dan tiket yang tidak mempunyai nilai bayaran balik bagi penerbangan yang tidak diambil oleh pengguna," katanya.

Beliau menjelaskan semua penerbangan yang dibatal mesti dikeluarkan daripada semua sistem tempahan ter-

masuk platform yang digunakan ejen pelancongan dalam dan luar talian.

Katanya, sebarang perubahan waktu perlepasan juga mesti dimaklumkan kepada pengguna sekurang-kurangnya dua minggu sebelum kecuali kes luar biasa atau isu teknikal mulai Januari depan.

Beliau memberitahu penalti maksimum RM200,000 boleh dikenakan jika syarikat penerbangan gagal mematuhi peraturan itu diikuti nilai 10 kali ganda jika mengulangi kesalahan sama.

Menyatakan RM4.7 juta penalti dikenakan sejak 2016, Anthony menambah langkah itu membantu pengguna penerbangan mendapat jaminan perlindungan yang dipertingkatkan untuk perjalanan udara.

## Sedia kemudahan awam

**SHAH ALAM** - Pembinaan projek perumahan baharu mesti meliputi aspek kehijauan, kawasan rekreasi dan kemudahan rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Setiap rumah berpendapatan rendah mahupun sederhana mesti diberi sedikit keselesaan. Ada taman, kalau tak besarpun yang kecil, kena ada padang permainan untuk keluarga dan anak.

"Mana mungkin duduk rumah pangsa, turun dan bila nak main di tepi jalan. Kena ada sedikit kawasan hijau, ada dewan, surau dan kawasan luas mesti ada masjid dan rumah ibadat," katanya.

Beliau yang merasmikan majlis pecah tanah Residensi Suria Madani di Taman Desa di sini pada 29 Ogos berkata ruang niaga mesti bersifat sederhana, sesuai keperluan penduduk

setempat.

"Sebab itu perumahan Suria Madani ini, kalau boleh kita jadikan contoh kelulusan yang cepat, kesesuaannya dan kemudahannya yang ada," katanya.

Menurut Anwar, kemajuan setiap projek di ibu kota perlu dibentang berkala kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya semua proses mengikut jadual.

"Saya mahu rekod bila dibentangkan laporan dan usul kepada DBKL nanti bila mesyuarat pertama diadakan, berapa puluh jabatan yang perlu diteliti dan berapa cepat kelulusan itu diberi.

"Kalau tidak memenuhi syarat, laporan juruteknik ada alasan ditangguh tapi penangguhan itu harus diberi tempoh. Kalau tiada alasan, maka tiada sebab lewat," katanya.

## Wajibkan sistem ABS

**SHAH ALAM** - Semua motosikal baharu berkapasiti 150cc dan ke atas perlu ada Sistem Brek Anti Kunci (ABS) mulai 1 Januari, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau percaya penggunaan ABS boleh mengurangkan kematian dalam kalangan penunggang sebanyak 31 peratus semasa nahas berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, lapor Bernama.

Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Malaysia Mengenai Keselamatan Jalan Raya dan Kesesakan Lalu Lintas itu menjelaskan langkah sedemikian antara inisiatif kerajaan untuk mengurangkan nahas.

Menurut Dr Ahmad Zahid, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) membuat program Penilaian Motosikal Malaysia (MyMAP) untuk menilai 28 model tujuh syarikat

motosikal.

"Dengan ini kita boleh tahu motosikal dari syarikat mana yang lebih selamat dan mana yang sebaliknya," katanya.

Beliau berkata Jawatankuasa Kabinet Malaysia Mengenai Keselamatan Jalan Raya dan Kesesakan Lalu Lintas pula mencadangkan had laju di zon sekolah diturunkan daripada 40 kepada 30 km/j.

Jelasnya, kerajaan juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan sekolah untuk memastikan sistem pengurusan kelajuan berkesan melalui sistem memasang palang dan bonggol.

"Kami mungkin mempertimbang untuk memperluas had laju 30 km/j ke kawasan lain dalam bandar untuk mewujudkan persekitaran yang lebih selamat kepada pengguna jalan raya," katanya.



### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 CYBERJAYA  
Selangor Darul Ehsan

### KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

| BIL | NO. TENDER             | TAJUK KERJA  | BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG                                 | TARIKH IKLAN  | HARGA DOKUMEN |
|-----|------------------------|--|---|---|---------------|
| 1.  | T/MPSepang/BGN/15/2024 | CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN DEWAN KOMUNITI TAMAN ARKED SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024 | CIDB, SPKK DAN G4 DAN Kategori B & CE (B04 @ B24) & (CE21) DAN UPEN | Tarikh Buka : 2 September 2024<br>Tarikh Tutup: 30 September 2024 | RM500.00      |

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **9 September 2024** hingga **30 September 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
3. Kontraktor-kontraktor (**HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL**) adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pengawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

**Tarikh** : 9 September 2024  
**Masa Pendaftaran** : 10.00 – 10.30 Pagi  
**Masa Taklimat** : 10.30 Pagi  
**Tempat Berkumpul** : Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor  
**Nota** : Kegagalan kontraktor hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini.

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **30 September 2024**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Kawalan Bangunan (03-83190200 samb. 213/510/512)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.
5. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"  
"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sepang





**WASPADA...** Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Selangor memasang perangkap bagi menangkap buaya yang didakwa muncul di Tasik Seksyen 7, Shah Alam pada 3 September. Foto Facebook MBSA

## Sedia laksana pemetaan bawah tanah

# Kenal pasti kawasan berisiko jerlus

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SUBANG JAYA** - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) akan melakukan pemetaan bawah tanah bagi mengenal pasti kawasan yang berisiko mengalami tanah jerlus.

Timbalan Datuk Bandarnya Mohd Zulkurnain Che Ali berkata penelitian kawasan berisiko itu dibuat melalui radar imbasan bawah tanah (GPR).

"Kita mengambil iktibar terhadap insiden di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur baru-baru ini. Kita bercadang melaksanakan pemetaan bawah tanah

tetapi ia memerlukan kos yang tinggi.

"Pelaksanaan diperinci dalam masa terdekat dan mungkin dari aspek teknologi, kita selaraskan dengan Kerajaan Negeri dan bekerjasama dengan Koridor Utiliti Selangor (Kusel)," katanya pada 29 Ogos.

Mohd Zulkurnain berkata lokasi tumpuan termasuklah Puchong dan Seri Kembangan melibatkan kawasan cerun serta bekas lombong meski keadaan masih terkawal.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar berkata penubuhan Kusel sejak empat tahun lalu membantu pentadbiran negeri menyelaras sistem pemeta-

an utiliti bawah tanah.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, agensi itu bertanggungjawab memantau pendaftaran dan penyusunan utiliti bagi mengelak insiden luar jangka walaupun melibatkan kos tinggi.

Pada 23 Ogos, seorang wanita yang juga pelancong dari India hilang selepas terjatuh dalam lubang lapan meter berikutan insiden tanah jerlus di Masjid India pada jam 8.20 pagi.

Mangsa yang berada di negara ini bersama keluarga, berjalan kaki di kawasan itu untuk ke kuil berhampiran bagi bersarapan sebelum kejadian.

## Bimbing usahawan luas perniagaan

**SHAH ALAM** - Pemohonan program pembangunan Usahawan Platform Selangor (U-PLATS) peringkat Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dibuka sejak sehingga 22 September.

Menurut MPKL, program bimbingan percuma untuk usahawan Platform Selangor (PLATS) mengembangkannya secara digital itu terhad kepada 30 penyerta sahaja.

"Jika anda usahawan di daerah

Kuala Langat dan berhasrat untuk dapatkan bimbingan bagi mengembangkannya perniagaan digital boleh daftar sekarang," katanya di Facebook.

MPKL memaklumkan program anjuran bersama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dengan kerjasama Selangor Youth Community (SAY) menetapkan peserta mestilah berdaftar dengan PLATS.

Kriteria lain termasuk mempunyai

lesen atau permit pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mempunyai premis fizikal serta lahir atau sudah bermastautin lebih lima tahun di Selangor.

Borang permohonan boleh didapati di pautan [www.platselangor.com](http://www.platselangor.com) atau hubungi pegawai Jabatan Pelesenan MPKL di talian 012-300 4167 (Hayati) untuk maklumat lanjut.

## Tiga tarikan baharu di Selangor

**SHAH ALAM** - Pembukaan Menara SkyCity di i-City Shah Alam Disember depan menjadi tarikan baharu Tahun Melawat Selangor 2025, sekali gus menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Selain menara setinggi 54 meter itu, EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim berkata Gamuda Luge Gardens di Rawang dan taman tema air Gamuda Splash Mania di Kuala Langat juga antara tumpuan.

"Tiga kawasan ini antara lokasi baharu yang boleh menarik kehadiran ramai dan pastinya menjadi tumpuan. Kita yakin tiga lokasi ini akan menambahkan lagi jumlah pelancong.

"Dalam masa sama, kita akan pastikan lokasi sedia ada sentiasa terjaga dan memiliki kemudahan infrastruktur yang beri ke-selesaian kepada pengunjung," katanya pada 3 September.

## Jaring pemedih beri ke-selesaian kucing

**SHAH ALAM** - Beberapa penambahbaikan termasuk pemasangan jaring pemedih akan dibuat di Taman Kucing Klang bagi mengelak keadaan panas, sekali gus menjamin ke-selesaian haiwan tersebut.

Datuk Bandar Klang Datin Paduka Noraini Roslan berkata tempat perlindungan khusus untuk kucing terbiar itu juga bakal dilengkapi anjung, selain perhatian penjagaan pemakanan.

Beliau menambah kucing berkenaan akan dilepaskan dari kandang untuk bergerak di kawasan taman pada sebelah pagi berikutan haiwan itu memerlukan ruang yang luas untuk melakukan pelbagai perkara.

"Kita merancang untuk bekerjasama dengan sukarelawan yang berminat dalam penjagaan kucing memandangkan sokongan masyarakat terhadap Taman Kucing ini positif dan membanggakan," katanya pada 3 September.

## Raih RM67.88 juta cukai taksiran

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM67.88 juta cukai taksiran dikutip Majlis Perbandaran Selayang (MPS) antara Januari hingga Julai tahun ini, kata Yang Dipertuanya Shahman Jalaludin.

Beliau menjelaskan RM55.29 juta diraih bagi penggal pertama bermula Januari hingga Jun manakala RM12.59 juta dikutip bagi penggal kedua.

"Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran, RM7.64 juta berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan RM10.68 juta," katanya dalam mesyuarat penuh bulan pada 26 Ogos.

Selain itu, MPS menaik taraf portal [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my) untuk memudahkan peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen niaga, sewa gerai dan permit bangunan, kompaun serta cagar.



## Seru selebriti tunai zakat pendapatan

**SHAH ALAM** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyeru lebih ramai membayar zakat pendapatan dan perniagaan termasuk dalam kalangan selebriti serta mempengaruhi media sosial.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata pihaknya mendekati golongan tersebut susulan peningkatan mendadak bilangan mempengaruhi media sosial.

"Sebelum ini ramai yang bayar zakat menerusi penggajian. Tetapi sekarang kita mensasarkan untuk melihat peluang dengan mempengaruhi dan usahawan sedia ada.

"Menjadi cabaran kepada kami untuk mendekati diri dengan mereka kerana mereka tidak bekerja di bangunan fizikal seperti restoran atau pejabat tetapi bergerak dalam talian," katanya dalam program Diskopi CEO's: Diskusi Zakat di Kedai Kopi pada 28 Ogos.

Program yang dihadiri pengurusan tertinggi pelbagai agensi itu turut menampilkan Mufti Selangor Dato' Setia Prof Madya Dr Anhar Opir dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop.

Mengulas program itu, beliau berkata ia dianjurkan berkala untuk pandangan dan kritikan membina berkaitan urusan tadbir pengurusan selain meningkatkan kesedaran awam perihal kepentingan berzakat.

"Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kepentingan zakat dalam kalangan pemimpin korporat selain bina rangkaian kerjasama dengan sektor korporat."

## Elak lafaz cerai di media sosial

**SHAH ALAM** - Sebarang lafaz talak yang dibuat di luar mahkamah perlu dirujuk ke mahkamah syariah untuk pengesahan dan boleh didenda jika didapati melanggar undang-undang.

Peguam syarie Liyana Sihar menegaskan jatuh talak bagi lafaz cerai tidak boleh dibuat sendiri walau tindakan itu banyak dilakukan suami isteri di platform media sosial mutakhir ini.

"Untuk pengesahan, kuasa hanya



kepada hakim mahkamah syariah. Pandangan hakim akan menentukan sama ada talak itu jatuh atau tidak," katanya dalam program Hai Selangor pada 30 Ogos.

Liyana berkata tindakan boleh dikenakan terhadap suami yang melafazkan cerai di luar mahkamah selain berdepan denda maksimum RM1,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika disabitkan.

Sebelum ini, menteri di Jabatan Perdana Menteri (hal ehwal agama) ber-

kata suami isteri yang mahu bercerai perlu mengikut tatacara berlandaskan undang-undang sedia ada di negara ini.

Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata permohonan perlu dibuat di mahkamah syariah di tempat mereka bermastautin bagi menentukan sama ada penceraian itu dibenarkan atau tidak.

Mac lalu, EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah menyatakan peningkatan pendapatan yang tidak selari kos sara hidup ketika ini antara penyumbang jumlah perceraian di Selangor.

## Agih hasil kepada masyarakat

# Sasar lunas zakat niaga RM10 juta

Oleh **SOFIA NASIR**

**SUNGAI BULOH** - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyasar sumbangan zakat lebih RM10 juta pada tahun ini susulan peningkatan prestasi beberapa anak syarikatnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya

Saipolyazan M Yusop berkata MBI melunaskan zakat perniagaan RM9.4 juta setakat Jun tahun ini berbanding RM6.7 juta tahun lalu.

"Kita tidak meletakkan sasaran kerana ia bergantung kepada prestasi perniagaan. Ada tahun yang kita pernah bayar lebih, dan ada tahun yang kurang seperti ketika wabak Covid-19.

"Kebetulan tahun ini ada anak syarikat kita yang mencatatkan keuntungan baik. Kita jangka (dapat bayar zakat) lebih RM10 juta sehingga akhir tahun ini," katanya.

Saipolyazan menjadi panel forum santai program Diskusi Zakat di Kedai Kopi anjuran Lembaga Zakat Selangor



di Kebun by Brick & Glass, Kampung Kubu Gajah di sini pada 28 Ogos.

Beliau berkata hasil perniagaan MBI diagih semula kepada masyarakat menerusi skim wakalah atau pengembalian semula wang zakat untuk dimanfaatkan kepada mereka yang memerlukan.

"Sebagai contoh, infrastruktur sekolah kita belanjakan RM3 juta. Apabila ada wakalah, ada wakil zakat dalam jawatankuasa kami, sebahagian bantuan kita salur terus kepada mereka.

"Kerjasama sebegini, kalau kita dapat perkukuhkan lagi, semakin ramai yang dapat manfaat. Selari dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu tiada sesiapa yang tertinggal," katanya.

## Tawar biasiswa belajar

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (Unisel) menjalin kerjasama dengan 13 hospital yang menawarkan biasiswa bernilai lebih RM7 juta kepada kira-kira 97 pelajar pengajian Diploma Kejururawatan.

Presiden dan Naib Canselornya Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata kerjasama dengan industri itu memberi nilai tambah kepada bidang pengajian dan kemahiran yang ditawarkan Unisel.

Beliau memberitahu penumpuan Unisel terhadap pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) itu selaras hasrat Kerajaan Negeri yang diperingkat dari semasa ke semasa.

"Dengan kedudukan kampus Unisel di Shah Alam ini, di tengah bandar sesuai untuk program yang bukan saja berkaitan TVET tetapi juga kerjasama dengan industri," katanya pada 28 Ogos.

Dalam belanjawan tahun ini, Dato' Menteri Besar berkata Unisel akan distruktur semula menjadi Universiti Industri Selangor sekali gus menumpukan sepenuhnya kepada latihan teknikal dan vokasional.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, penjenamaan itu dilakukan ke arah mengukuhkan usaha memartabat program TVET bernilai tinggi di negeri ini menjelang 2025.

## TENDER NOTICE

Tenderers are invited from suppliers/contractors having the following qualifications for the supplies/works/services as specifically described as follows:

| TITLE & TENDER NUMBER   | TENDER REQUIREMENTS   | TENDER DOCUMENT FEE  | DATE AND TIME PURCHASE  |
|---|---|--|---|
| <p><b>TENDER NO: WT2024-00188</b></p> <p><b>TITLE: ENGINEERING, PROCUREMENT, CONSTRUCTION &amp; COMMISSIONING ("EPCC") CONTRACT OF PROPOSED DEVELOPMENT 5.7MW SMALL HYDROPOWER PLANT BERNAM SCHEME AT HULU SELANGOR DISTRICT, SELANGOR.</b></p> | <p>i. Tenderer must be an incorporated company and registered with Construction Industry Development Board (CIDB). Grade: G7</p> <p>ii. The companies submitting for the tender must be 100% owned by Malaysians with valid active licenses as described therein and registered with the Suruhanjaya Syarikat Malaysia.</p> <p>iii. Tenderer must possess relevant experience in similar or related works/services for the last five (5) years.</p> <p>iv. Tender briefing is compulsory.</p> <p>v. All tenderers who wish to participate in this tender must register and submit their tender, including but not limited to price bid and all associated supporting documents, in digital soft copies via the company's online tender portal (e-WOPS).</p> <p>vi. All hard copies of tender bid supporting documents are to be submitted to our office in the designated tender drop box located at:</p> <p><b>TENDER BOX B ,Level G MERCU WORLDWIDE No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.</b></p> | <p><b>RM500.00</b><br/>(Ringgit Malaysia: Five Hundred Only) via online transfer to the account of:</p> <p><b>80-1094429-8</b><br/><b>WORLDWIDE HYDRO ENERGY FOUR SDN BHD (CIMB BANK BERHAD)</b><br/>(Payment is non-refundable)</p> <p>Please notify us when payment is made by indicating:</p> <p>Reference 1: WT2024-00188<br/>Reference 2: Name of Company</p> <p>Please submit the tender payment via (e-WOPS system)</p> | <p><b>5 SEPTEMBER 2024 (THURSDAY)</b><br/>Online purchase</p> <p>Please contact us for details<br/>Tel: 03-5526 2525<br/>Fariha : ext (5949)<br/>Syafiq : ext (5933)</p> <p>Email: procurement@whb.com.my</p> <p>Working Hours:<br/>Monday – Friday<br/>9.00 a.m - 5.30 p.m</p> <p><b>CLOSING OF TENDER</b></p> <p><b>12:30 p.m.</b><br/><b>6 DECEMBER 2024 (FRIDAY)</b></p> <p><b>COMPANY REGISTRATION</b></p> <p>Company registration in e-WOPS system is <b>MANDATORY</b>. Tenderers who have yet to register in e-WOPS as the company's listed vendor, may proceed with the registration process via the hyperlink below:<br/><a href="https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create">https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create</a></p> |

1. Tender Documents received later than the date and time specified will not be considered.  
2. Worldwide Hydro Energy Four Sdn Bhd is not bound to agree and accept the lowest quotation, or any alternative quotation(s) received for this tender.





**SEMANGAT...** Pemain Harimau Malaya meraikan jaringan penyamaan Syamer Kutty Abba (kiri) ketika separuh akhir Pestabola Merdeka 2024 menentang Filipina di Stadium Nasional, Kuala Lumpur pada 4 September. Malaysia menang 2-1 dan bertemu Lubnan dalam perlawanan akhir pada 8 September. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

## Manfaat dana diumumkan Perdana Menteri

# RM15 juta suntik Harimau Malaya

**SHAH ALAM** - Peruntukan RM15 juta yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diyakini mampu memperkasa Harimau Malaya pada masa akan datang, kata pengendali skuad kebangsaan.

Pau Marti Vicente turut mengangap sumbangan itu menjadi suntikan motivasi buat pasukan terutama menghadapi Pestabola Merdeka 2024, lapor Berita Harian.

Beliau berkata Harimau Malaya berpotensi untuk terus menyerlah terma-

suk memperbaiki kedudukan Persekutuan Bolasepak Antarabangsa.

"Kami menghargai sokongan yang diberikan perdana menteri. Secara peribadi, pasukan Harimau Malaya belum mencapai potensi penuh dan masih boleh berkembang pada masa akan datang.

"Sama ada kita berada dalam kelompok 100 atau 120 pasukan terbaik dunia, itu masih sekadar impian dan buat masa ini, kita masih berada di kedudukan 134 dunia.

"Lebih baik kita fokus daripada satu perlawanan ke satu perlawanan. Namun, apa yang boleh saya katakan (peruntukan) itu adalah berita yang cukup positif," katanya pada 3 September.

Anwar mengumumkan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi memperkasakan skuad Harimau Malaya yang mana RM10 juta daripada kerajaan manakala RM5 juta lagi komitmen syarikat swasta khusus untuk kebajikan, latihan dan pengurusan pasukan berkenaan.

## Azizulhasni pertimbang jadi mentor

**SHAH ALAM** - Jaguh berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang mempertimbangkan untuk menyertai program Road To Gold (RTG) sebagai mentor dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang.

Azizul berkata rancangan untuk menyertai jawatankuasa RTG bersama-sama atlet seperti Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol Ann David bukan dalam masa terdekat, lapor Bernama.

"Menteri Belia dan Sukan Hannah

Yeoh, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN), mereka berharap saya masih boleh berada di bawah RTG.

"Bagi saya jika saya berada dalam program RTG (sebagai atlet), itu adalah tanggungjawab saya dan saya tidak akan kekal di sana secara percuma, saya perlu mencapai petunjuk prestasi utama (KPI). Itulah sebabnya saya perlu mengambil sedikit masa untuk memikirkan apakah rancangan seterusnya.

"Saya tidak nampak diri saya

menyertai (program sebagai mentor) sekarang, mungkin dalam satu atau dua tahun. Buat masa ini, saya rasa tidak akan berada di bawah ahli Lembaga Pengarah RTG," katanya pada 3 September.

Atlet berusia 36 tahun itu berkata beliau mahu berehat secara fizikal dan mental selepas beraksi dalam acara keirin lelaki akhir Sukan Olimpik Paris 2024 Ogos lepas sekali gus mengambill masa sebelum memutuskan hala tujunya.

## Pilihan MB Kedah atasi Selangor

**SHAH ALAM** - Pilihan Menteri Besar Kedah menewaskan Pilihan Menteri Besar Selangor 8-5 dalam perlawanan persahabatan bola sepak di Pusat Latihan Selangor FC, di sini pada 3 September.

Pasukan Pilihan Menteri Besar Selangor dibarisi Dato' Seri Amirudin Shari, EXCO Sukan Najwan Halimi, tonggak Selangor FC Faisal Halim dan beberapa pemain legenda negeri manakala Datuk Seri Muhammad Samsu Md Nor mengetuai pasukan lawan yang turut menampilkan EXCO Sukan Kedah Muhammad Radhi Mat Din dan beberapa bekas pemain Kedah.

Perlawanan turut diserikan dengan keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri turut menganjurkan perlawanan bowling persahabatan dengan deligasi Kerajaan Terengganu sempena sesi Parlimen dan Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR) ke-266 pada 17 Julai.

## Ziyad sumbang perak lontar peluru

**SHAH ALAM** - Impian jaguh lontar peluru para negara Muhammad Ziyad Zolkefli merampas kembali pingat emas yang dimenangnya lapan tahun lalu di Rio, Brazil tidak kesampaian selepas meraih perak di Sukan Paralimpik Paris.

Beliau merekodkan catatan terbaiknya 17.18 meter (m) dalam percubaan ketiga acara lontar peluru lelaki F20 (kecacatan intelektual) di Stade de France pada 4 September.

Emas milik atlet Ukraine Oleksandr Yaroyvi yang dua kali memecahkan rekod dunia dengan catatan 17.61m manakala gangsa milik rakan senegarannya Maksym Koval (16.99m).

Pada edisi 2020 di Tokyo, penyertaan atlet berusia 34 tahun itu dibatalkan gara-gara lewat tiba di bilik panggilan sebelum pertandingan bermula.

## Eddy raih pingat pertama Paralimpik


**SHAH ALAM** - Kontinjen Malaysia meraih pingat pertama Sukan Paralimpik Paris 2024 menerusi atlet olahraga Eddy Bernard yang menyumbang gangsa acara 100 meter (m) lelaki T44 (kecacatan fizikal).

Beliau mencatat 11.58 saat (s) sekali gus memadam rekod Asia milik wakil Sri Lanka, Indika Gamage 11.75s pada Kejohanan Olahraga Para Dunia 2024 di Kobe, Jepun, lapor Bernama.

Kejayaan atlet berusia 23 tahun dalam penampilan sulungnya di Sukan Paralimpik itu juga memperbaiki catatan peribadi 11.77s yang dilakar di Jepun.

Setakat 4 September, Malaysia turut mengutip emas menerusi Cheah Liek Hou dalam acara kategori SU5 (kecacatan fizikal) dan perak yang disumbang atlet lontar peluru Muhammad Ziyad Zolkefli.





## MOHD KAMRI KAMARUDDIN Bukit Antarabangsa

serah sumbangan pendidikan buat penduduk di DUN beliau



## DATUK RIZAM ISMAIL

Sungai Air Tawar  
melepaskan konvoi motosikal di Kampung Tebuk Mufrad, Sabak Bernam



## ANFAAL SAARI Taman Templer

menizarahi penduduk di Kampung Selayang Pandang, Gombak



## DR FAHMI NGAH Seri Setia

merasmikan program pelajar di Kolej Vision, Petaling Jaya



## ONG CHUN WEI Balakong

meninjau kerja baik pulih jalan sekitar Plaza Winnie, Kajang




## ABBAS AZMI Seri Serdang

bertemu kanak-kanak yang mewakili Malaysia acara pushbike di Subang Jaya



## CHEONG KIAN YOUNG Kajang

menyampaikan kerusi roda kepada penduduk di pejabat DUN beliau



## PANG SOCK TAO Kuala Kubu Baharu

bersama peserta program Semarak Merdeka di DUN beliau



## Kaunseling percuma setiap Sabtu

**SHAH ALAM** - Penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pelek berpeluang menyertai sesi kaunseling percuma pada setiap Sabtu sepanjang bulan ini.

Wakil rakyatnya Lwi Kian Keong berkata inisiatif menerusi program Hab Sehat Selangor itu menyoar individu yang mempunyai masalah kesihatan emosi dan mental.

Katanya, program pada 7, 14, 21



dan 28 September bermula 9 pagi hingga 1 tengah hari di balai majlis pengurusan komuniti Kampung Baru Sepang Jaya, Sepang.

"Jika anda mempunyai masalah kesihatan emosi dan mental, daftar sesi kaunseling percuma bersama kami dengan mengimbas kod QR di poster," katanya di Facebook pada 1 September.

Sebelum ini, EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin memaklumkan 10,459 kes gangguan mental dirujuk ke klinik kesihatan daerah dalam tempoh empat tahun dari 2020 hingga 31 Mac tahun ini.

Tahun 2020 merekod 1,858 kes diikuti 2021 (1,942), 2022 (2,065), 2023 (2,297) dan 2,297 kes untuk tahun ini hingga 31 Mac.

Klang menerima pesakit tertinggi iaitu melebihi 500 pesakit setahun, diikuti Petaling (400) dan Sepang (300).

### Pamer sejarah badminton negara

# Rumah Keluarga Sidek jadi warisan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Koleksi piala, pingat termasuk raket badminton yang dimiliki keluarga Dato' Mohd Sidek Abdullah Kamar bakal dipamerkan di kediaman mereka di Kampung Kan-chong Darat, Kuala Langat.

Menurut EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah, kediaman yang bakal dijadikan rumah warisan dan tarikan pelancongan terbaharu negeri giat dibincang bersama Jabatan Warisan sebelum dimuktamad.

"Kita akan perbaiki reban ayam yang sinonim dengan anak-anak Sidek. Reban ayam ini 'rumah kedua anak-anak Sidek' jika mereka didenda akibat melakukan kesalahan," katanya pada 29 Ogos.

Sebelum ini, Datuk Dr Mohmed Misbun Datuk Mohd Sidek berharap usaha menjadikan rumah keluarganya sebagai rumah warisan lancar dan diketahui ramai untuk membuat



kunjungan.

November lalu, Selangor menganjurkan pameran Anak-anak Sidek yang memaparkan kejayaan keluarga Allahyarham Sidek membentuk lima anak lelaki Misbun, Razif, Jalani, Abdul Rahman dan Abdul Rashid sebagai pemain badminton ternama dunia.

Koleksi dipamerkan termasuk pingat kejohanan dunia badminton, Men Doubles Winne, Keseluruhan England, Komanwel, Sukan Asia, Sukan Sea dan cenderamata lima beradik itu.

## Ikuti bengkel badminton percuma

**SHAH ALAM** - Kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun sekitar Dewan Undangan Negeri Batu Tiga dipelawa menyertai bengkel badminton percuma anjuran bersama FY Brothers Badminton Academy.

Wakil rakyat Danial Al-Rashid Haron memaklumkan



program B3 Junior yang bermula 1 September itu terhad kepada 240 kanak-kanak terawal bagi mencungkil bakat muda sukan itu.

"Suka untuk saya kongsi, FY Brothers Badminton Academy akan berkolaborasi bersama ADN Batu Tiga untuk program B3 Junior.

"Program ini bertujuan melatih dan mengembangkan bakat muda

dalam sukan badminton dengan bimbingan jurulatih profesional," katanya di Facebook pada 28 Ogos.

Menurut Danial, peserta yang dibahagikan kepada tiga kumpulan berpeluang berlatih bersama jurulatih profesional selain tajaan latihan intensif dan baju eksklusif percuma.

Berakhir pada 6 Oktober, pendaftaran menerusi pautan linktr.ee/Smash-chine

## Medan cungkil bakat bola sepak

**SHAH ALAM** - Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Kemuning menjuarai kejohanan bola sepak Piala Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Kemuning (Bawah 12 tahun) selepas menewaskan SK Bukit Rimau 3-2 menerusi penentuan penalti.

Mereka membawa pulang wang tunai RM800 beserta piala dan pingat yang disampaikan wakil rakyatnya S

Preakas di Stadium Belia dan Sukan Negeri Seksyen 21, di sini.

Preakas memaklumkan sebanyak 11 sekolah sekitar DUN berkenaan menyertai kejohanan yang julung kali dianjurkan itu.

"Penganjuran kejohanan ini akan menjadi medan untuk kita gilap bakat muda daripada peringkat sekolah rendah lagi.

"Saya berhasrat untuk jadikan kejohanan ini sebagai acara tahunan dan akan berbincang dengan Majlis Sukan Negeri Selangor untuk anjurkan program lebih besar tidak terhad di DUN Kota Kemuning sahaja," katanya pada 1 September.

Tempat ketiga dan keempat masing-masing dimenangi SK Bukit Kemuning 2 dan SK Taman Sri Muda 2.

## Sertai cabaran 10,000 langkah

**SHAH ALAM** - Penduduk di Dewan Undangan Negeri Seri Kembangan berpeluang memenangi baucar beli-belah sehingga RM800 dengan menyertai Cabaran 10,000 Langkah Sehari sepanjang bulan ini.

Wakil rakyat Wong Siew Ki berkata kempen tersebut antara usaha mempromosi gaya hidup sihat dan cergas selain menikmati keindahan alam sekitar.

"Merdeka bukan sahaja bermaksud negara bebas daripada jajahan tetapi memerdekakan diri dengan memastikan kesihatan terjaga. Apabila diri sihat, kita tidak bergantung kepada sesiapa," katanya pada 31 Ogos.

Tambah Siew Ki, individu yang mengumpul jumlah langkah terbanyak berpeluang memenangi baucar RM300, tempat kedua (RM200) dan ketiga (RM100) manakala RM50 bagi pemenang keempat hingga kesepuluh.

## Ratusan sambut merdeka di Sentosa

**SHAH ALAM** - Lebih 600 pengunjung meriahkan sambutan kemerdekaan peringkat Dewan Undangan Negeri Sentosa yang dianjurkan kali keenam pada 31 Ogos.

Wakil rakyatnya Dr G Gunaraj berkata sambutan tahun ini diraikan di lima lokasi berasingan iaitu Taman Klang Jaya, Taman Maznah, Taman Kandis Permai, Taman Saujana dan Pangsapuri Palma Botanic.

"Kita tetap meneruskan program sambutan ini kerana mahu memupuk semangat cintakan negara sekali gus meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Pelbagai aktiviti diadakan untuk mengeratkan hubungan sesama masyarakat antaranya pertandingan basikal berhias dan program melibatkan kanak-kanak," katanya yang turut berharap semua rakyat terus mengekalkan perpaduan bersama.

## Semak baki terima bantuan RM300


**SHAH ALAM** - Seramai 450 penduduk di Dewan Undangan Negeri Kota Kemuning menerima manfaat melalui Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), kata wakil rakyatnya.

S Preakas memaklumkan pihaknya sedang menyemak baki kuota 202 penerima bantuan yang dijangka selesai dalam masa terdekat.

"Kita menerima lebih 1,500 permohonan tetapi kuota diberikan hanya 652 individu sahaja. Kita perlu buat saringan bagi memastikan mereka benar-benar layak menerima bantuan.

"Bagaimanapun, permohonan yang tidak lulus dan memerlukan kita masih bantu menerusi program agihan bakul makanan," katanya pada 1 September.





## Perhilitan tangkap buaya tembaga

**SHAH ALAM** - Buaya tembaga sepanjang 1.5 meter yang dikesan di Tasik Seksyen 7 di sini ditemukan kira-kira 10.30 malam, 4 September.

Perkara tersebut disahkan Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

"Buaya yang dikesan di tasik ini berjaya ditangkap dan masuk ke dalam perangkap dipasang Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor kira-kira 10.30 malam ini," katanya.

Sebelum itu, Perhilitan memasang dua perangkap berumpukan ayam bagi menangkap buaya berkenaan selain penutupan sementara tasik untuk semua aktiviti rekreasi bermula 8 malam sehingga reptilia tersebut ditangkap.

## Rentak Selangor bertema 1980-an

**SHAH ALAM** - Program Rentak Selangor yang menampilkan kepelbagaian persembahan seni dan budaya diteruskan pada Oktober dengan membawa tema era 1980-an.

Menurut EXCO kebudayaan, program yang diadakan setiap tahun sejak 2016 itu memberi peluang kepada generasi baharu mengenali muzik serta tarian era tersebut termasuk menampilkan artis lama.

"Berdasarkan kajian, konsep rock kapak dan malar segar mula wujud pada era 1980-an. Kita bercadang menampilkan artis-artis di era 80-an yang aktif di Selangor pada program tersebut.

"Kita juga adakan sketsa berkaitan cara kehidupan masyarakat 80-an yang dilakonkan sendiri artis-artis zaman tersebut berdasarkan situasi waktu itu," kata Dato' Borhan Aman Shah pada 28 Ogos.

## Saringan percuma di Subang Jaya

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa menyertai saringan percuma di Dewan MBSJ SS15, Subang Jaya pada 7 dan 8 September mulai 9 pagi hingga 3 petang.

EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin berkata inisiatif Selangor Saring peringkat Dewan Undangan Negeri Subang Jaya itu menyediakan ujian seperti jantung, darah tinggi, kencing manis dan barah.

Beliau berkata orang ramai boleh mendaftar Selangor Saring dengan melengkapkan butiran peribadi di aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).



**FOKUS...** Atlet para negara Muhammad Ziyad Zolkefli meraih perak lontar peluru lelaki F20 (kecacatan intelektual) Sukan Paralimpik Paris 2024 di Stade de France, Perancis pada 4 September. Beliau tidak bernasib baik untuk mengulangi kejayaan emas pada 2016 di Rio de Janeiro, Brazil. Foto BERNAMA ► BERITA MUKA 21

Edisi keempat antara 12-14 September

# 20,000 daftar lawat pameran pesawat

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM1.3 bilion nilai transaksi disasar sepanjang tiga hari Pameran Udara Selangor (SAS) 2024 mulai 12 hingga 14 September, kata ketua pegawai eksekutif Invest Selangor.

Dato' Hasan Azhari Idris berkata angka itu melebihi 50 peratus daripada perolehan tahun lalu hasil jangkaan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian jualan yang terjalin



sepanjang pameran edisi keempat.

"Kita tampilkan 150 pempamer dengan mengetengahkan inovasi dan perkhidmatan terkini yang mampu meningkatkan aktiviti industri selain merangsang pertumbuhan pasaran domestik.

"Kita yakin penganjuran tahunan ini akan meningkatkan lagi dampak ketara kepada sektor aeroangkasa dan penerbangan negeri," katanya pada 4 September.

Beliau berkata seramai 25,000 pengunjung termasuk pemain industri dijangka hadir ke pameran di Pusat Penerbangan Se-

rantau (RAC) Skypark di Subang.

"Pemohonan untuk masuk ke program dibuka sejak minggu lalu dan kita sudah terima 20,089 pendaftaran setakat ini. Ini menunjukkan program mendapat perhatian ramai.

"Semestinya SAS 2024 ini bersedia menjadi platform merangsang aktiviti ekonomi tempatan dan meningkatkan reputasi Selangor sebagai hab terkemuka dalam sektor aeroangkasa dan penerbangan," katanya.

Pameran sama pada 7 hingga 9 September tahun lalu mencatat potensi nilai transaksi RM823 juta serta merekod kehadiran 19,217 pelawat perdagangan, melebihi sasaran 12,000 orang.

## Polis juara deklamasi puisi merdeka

**KLANG** - Superintenden Yusuf Ramji yang mewakili Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjuarai Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan peringkat kebangsaan ke-38.

Mendeklamasi sajak berjudul Tawarikh Terindah karya Raja Rajeswari Seetha Raman, beliau membawa pulang wang

tunai RM5,000 selain hadiah iringan dan sijil penghargaan pada 29 Ogos.

Tempat kedua dimenangi Adrian-syah Wayang dari Sabah yang menerima RM3,000 dan ketiga Adzharye Johari dari Sarawak (RM2,000) selain hadiah iringan serta sijil penghargaan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin

Shari menyampaikan hadiah kepada pemenang program anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka serta Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena).

Dalam majlis di Hotel Whyndham di sini, beliau turut mendeklamasi puisi bertajuk Pesan Pahlawan di Semantan karya Ami Masra.